



اَوَّلُ نَبِيٍّ سَيِّدِي تَبِيكُنُو لَوِ كِي مَبَارَا

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI MOHAMED ZAWAWI BIN ABDULLAH
MANTAN KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA
2006 - 2007

OLEH:

HANIS FARADIANA BINTI HALIAS

2011209358

NOR AKMA BINTI JOHAN

2011290322

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI MOHAMED ZAWAWI BIN ABDULLAH
MANTAN KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA
2006 - 2007

OLEH:
HANIS FARADIANA BINTI HALIAS
2011209358
NOR AKMA BINTI JOHAN
2011290322

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)

ISI KANDUNGAN

TITLE	PAGE NO
Penghargaan.....	i
Biodata Tokoh.....	ii
Pengenalan.....	iii
Transkrip	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian B: Kerjaya Tokoh.....	17
Bahagian C: Sejarah Arkib.....	61
Lampiran	
Senarai soalan	
Surat Perjanjian	
Sijil penghargaan	
Gambar	

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas sekesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongann-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Di samping itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation [Pendokumentasian Lisan], Puan Nor Kamariah Binti Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar bagi menyiapkan projek ini.

Tokoh yang kami hormati, Tuan Haji Mohamed Zawawi dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsi ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami serta rakan seperjuangan yang telah banyak memberi tunjuk ajar, teguran dan dorongan sepanjang proses dalam menghasilkan projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini mengandungi temubual bersama Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah mengenai kerjaya beliau sepanjang berkhidmat di jabatan arkib. Transkrip temubual ini dijalankan di ruang tamu rumah Tuan Haji Mohamed Zawawi sendiri di nombor tiga, jalan chepor indah 36, Chepor Indah, 31200 Chemor Perak pada 2 November dan 4 November 2013 bermula pada jam 11.30 pagi hingga pada jam 2 petang dan bersambung semula pada 4 November 2013 pada jam 2.30 petang hingga jam 6.30 petang. Beliau merupakan tokoh yang berkhidmat dengan komited dan konsisten dari awal pembabitan beliau di jabatan arkib pada awal tahun 1977 sehingga dilantik dan menjawat jawatan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dari awal tahun 2006 hingga hujung tahun 2007. Temubual ini menumpukan pada pengalaman beliau sepanjang berkhidmat di jabatan arkib Negara baik di dalam Negara mahu pun di luar Negara.*

Kata kunci: *Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah, Arkib Negara Malaysia, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, khidmat, pengalaman*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH

BIODATA RINGKAS

TUAN HAJI MOHAMED ZAWAWI BIN ABDULLAH
MANTAN KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA



1. BUTIR-BUTIR PERIBADI :

- | | | | |
|-----|--------------------|---|------------------------|
| 1.1 | Nama | : | Mohamed Zawawi Bin |
| 1.2 | No. Kad Pengenalan | : | Abdullah #####-##-#### |
| 1.3 | Tarikh Lahir | : | 23.10.1953 |
| 1.4 | Tempat Lahir | : | Grik, Perak |

2. KELULUSAN AKADEMIK :

- i. B.A Hons (Sejarah) Universiti Malaya 1976
- ii. Diploma in Archives Administration, India 1978
- iii. Certificate in Records Management, Canada 1985

3. BUTIRAN-BUTIRAN PERKHIDMATAN :

PERKARA	TARIKH
1. Tarikh lantikan sebagai Pegawai Arkib	03.01.1977
2. Tarikh disahkan dalam jawatan	26.11.1979
3. Tarikh pengesahan sebagai Pegawai Arkib Kanan	03.01.1982
4. Tarikh pengesahan kenaikan pangkat Pegawai Arkib Gred S28	10.12.1996
5. Tarikh perubahan ke Skim Saraan Baru (SSM) kepada Gred S48	01.11.2002
6. Tarikh pengesahan kenaikan pangkat Pegawai Arkib Gred S54	01.11.2003
7. Menduduki peperiksaan PTK (TK4) dan lulus sepenuhnya	Disember 2003

4. PERKHIDMATAN

4.1 RINGKASAN PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN	TARIKH
1. Pegawai Arkib di Perkhidmatan Perolehan	03.01.1977
2. Mengikuti Kursus Diploma in Archives Administration di Arkib Negara, India	01.11.1977 – 31.10.1978
3. Melaporkan diri untuk bertugas semula di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia	20.10.1978
4. Ditukarkan ke Alor Setar, Keda sebagai Pengarah Arkib Negara, Malaysia Cawangan Utara meliputi Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang.	01.01.1979 – 31.12.1981
5. Ditukarkan daripada Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara kembali bertugas di ibu pejabat Arkib Negara Malaysia	01.01.1982
6. Dilantik sebagai Ketua Cawangan Bahagian Rekod Penting	01.01.1982 – 31.12.1987
7. Menghadiri kursus Pengurusan Rekod Penting di	30.09.1985 –

National Archives of Canada dan juga kursus Pengurusan Rekod di National Archives and Records Administration, Washington DC, USA	20.12.1985
8. Melaporkan diri mula kembali bertugas	23.12.1985
9. Ditukarkan daripada ibu pejabat ke Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka sebagai Pengarah Memorial	01.01.1988 – 31.10.1996
10. Ditukarkan bertugas kembali di ibu pejabat Arkib Negara Malaysia	01.11.1996
11. Bertugas sebagai Ketua Cawangan di Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya	10.12.1996 – 31.12.2003
12. Menghadiri kursus Pembangunan dan Pengurusan di bawah Program Pembangunan dan Pengurusan Pegawai-Pegawai Eksekutif di Central Official Training Institute (COTI), Republik Korea	25.08.2002 – 14.09.2002
13. Dilantik sebagai Pengarah Pengurusan Perancangan dan Pembangunan	01.11.2003
14. Dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia	
15. Dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia	2006-2007
16. Bersara	01.01.2008

4.2 RINGKASAN PENEMPATAN

4.2.1 Pegawai Arkib Perkhidmatan Perolehan

Bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti dokumentasi lisan yang merupakan salah satu aktiviti penting untuk memperolehi rekod atau maklumat bersejarah.

4.2.2 Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara

- i. Bertanggungjawab terhadap penubuhan Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara yang merangkumi Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

- ii. Merancang pengurusan rekod-rekod agensi Kerajaan di Wilayah Utara yang pada waktu itu berjumlah hampir 1,000 jabatan di peringkat luar Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun.
- iii. Merancang dan memperolehi bahan-bahan arkib di Wilayah Utara.
- iv. Merancang, mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti Arkib Negara Malaysia di peringkat negeri.
- v. Bertanggungjawab membina hubungan antara Kerajaan-Kerajaan Negeri Wilayah Utara dengan Arkib Negara Malaysia sebagai agensi Kerajaan Persekutuan.
- vi. Melaksanakan program-program pengembangan Arkib Negara Malaysia di negeri-negeri Wilayah Utara.

4.2.3 Ketua Bahagian Rekod Penting

- i. Bertanggungjawab terhadap penubuhan Bahagian Rekod Penting
- ii. Melaksanakan dasar rekod penting di agensi-agensi Kerajaan
- iii. Merancang perolehan rekod penting Kerajaan
- iv. Merancang pelan persediaan kecemasan untuk rekod-rekod penting Kerajaan
- v. Merancang dan menguruskan perolehan dan penyimpanan rekod-rekod penting Kerajaan
- vi. Menyelia kerja membuat salinan mikrofilem rekod-rekod penting dan menguruskan tempat simpanannya.

4.2.4 Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (MPK)

- i. Bertanggungjawab mengurus dan mentadbir MPK sebagai tempat pengumpulan dan penyebaran maklumat mengenai kemerdekaan Negara
- ii. Merancang dan menguruskan MPK sebagai tempat lawatan utama di negeri Melaka

- iii. Bertanggungjawab dalam mengurus lawatan rasmi tetamu-tetamu Negara
- iv. Merancang dan menguruskan aktiviti perolehan bahan-bahan sejarah dan kemerdekaan Negara
- v. Merancang dan menguruskan aktiviti-aktiviti pameran berkaitan sejarah Negara
- vi. Merancang dan menguruskan pelbagai aktiviti untuk mengumpul bahan sejarah Negara
- vii. Merancang dan menyediakan kemudahan penyelidikan dan rujukan
- viii. Melaksanakan semua program 'outreach' jabatan di Melaka dan Wilayah Selatan
- ix. Mewakili jabatan dalam semua aktiviti yang melibatkan kerajaan negeri Melaka
- x. Anggota tetap dalam portfolio Pendidikan dan portfolio Pelancongan Negeri
- xi. Memberi khidmat nasihat sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka

4.2.5 Ketua Cawangan Latihan dan Pembangunan Kerjaya

- i. Merancang dan menguruskan program kursus pengurusan rekod di agensi-agensi Kerajaan dan latihan bidang ikhtisas pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia
- ii. Merancang dan menguruskan peperiksaan yang diwajibkan kepada pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia
- iii. Urusetia persidangan dalam dan luar negeri
- iv. Merancang dan melaksanakan program kursus Program Kerjasama Teknikal Malaysia
- v. Merancang dan melaksanakan pematuhan persijilan MS ISO 2001 di Cawangan
- vi. Telah menguruskan dua seminar antarabangsa pada tahun 1999 dan 2001

4.2.6 Pengarah Pengurusan Perancangan dan Pembangunan

- i. Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan dasar, polisi dan pelan strategik Pengurusan Perancangan dan Pembangunan yang merangkumi:-
 - a. Pelan perancangan pembangunan jabatan
 - b. Pembangunan sumber manusia
 - c. Pengurusan kewangan
 - d. Pengurusan pentadbiran
 - e. Latihan dalam bidang pengurusan rekod dna pentadbiran arkib kepada agensi-agensi Kerajaan dalam dan Luar Negara
 - f. Seranta dan sebaran maklumat
 - g. Penerbitan dan percetakan
 - h. Keselamatan jabatan

4.2.7 Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara

4.2.8 Ketua Pengarah Arkib Negara

5. TANGGUNGJAWAB DI PERINGKAT ANTARABANGSA

PERKARA	TARIKH
i. Editor, Newsletter SARBICA	1993 – 1995
ii. Treasurer, SARBICA (Southeast Asia Regional Branch International Council on Archives)	1995 – 1996
iii. Secretary General SARBICA (Southeast Asia Regional Branch International Council on Archives)	1997 – 1998
iv. Head, Training Committee SEAPAVAA (Southeast Pacific Audio-Visual Archives Association)	1999 – 2002
v. Penglibatan terus mewakili jabatan di International Council on Archives (ICA) di dalam 'Programme Commission'. Juga terlibat	2002 - 2007

dalam merangka dan menentukan program persediaan untuk Kongres ICA 2008	
vi. Telah mewakili jabatan dalam membentangkan beberapa kertas kerja di Seminar Antarabangsa semasa Persidangan SARBICA dan juga SEAPAVAA	

7 ANUGERAH

- I. Sebagai menghargai jasa dan perkhidmatan cemerlang semasa bertugas sebagai Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Melaka telah dikurniakan pingat berikut:-
 - Pingat Jaksa Kebaktian (PJK), 1991
 - Bintang Khidmat Terpuji (BKT), 1995
- II. Pada 15 April 2005, diberi pengiktirafan di atas kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dengan pencalonan Anugerah Khidmat Cemerlang 2004
- III. Pengiktirafan di atas kecemerlangan menjalankan tugas dan tanggungjawab melalui Anugerah Bintang Kesatria Mangku Negara (K.M.N) oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2005

PENGENALAN

PENGENALAN



Arkib Negara Malaysia merupakan jabatan kerajaan Malaysia yang menyimpan rekod-rekod bernilai dan berharga kepada Negara. Jabatan Arkib juga merupakan gedung ilmu dan pusat informasi bagi penyelidik-penyelidik mahu pun kepada rakyat Malaysia sendiri. Arkib Negara Malaysia mempunyai pelbagai fungsi, antaranya ialah memberi khidmat nasihat kepada jabatan-jabatan kerajaan mengenai pengurusan rekod awam yang sistematik dan berkesan. Selain daripada itu, jabatan Arkib juga berfungsi dalam mengesan, mengumpul, menyimpan, dan memelihara rekod dan bahan-bahan maklumat yang mempunyai nilai kebangsaan dan sejarah sebagai warisan khazanah Negara. Kemudahan untuk rujukan juga turut disediakan dan penyelidikan kepada jabatan-jabatan Kerajaan dan orang awam. Program penyelidikan dan pendokumentasian juga turut dijalankan bagi tujuan memperlengkapkan maklumat mengenai sejarah tanah air. Arkib Negara Malaysia juga dilabel sebagai tempat menyebarkan ilmu dan maklumat bernilai sejarah dalam kalangan orang ramai.

Kronologi Peristiwa Penting 50 Tahun yang Lalu

TAHUN	PERISTIWA
1 Dis 1957	"Public Records Office" ditubuhkan Tuan Haji Mubin Sheppard dilantik sebagai 'Keeper of Public Records'.
1 Feb 1961	Mula menduduki Bangunan Persekutuan di Petaling Jaya
Nov. 1962	Dr. F.R.J. Verhoeven, pakar arkib dari UNESCO, menggantikan Tuan Haji Mubin Sheppard
1963	"Public Records Office" ditukar nama kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia
15 Feb 1966	Encik Ahwi Jantan dilantik sebagai Pengarah menggantikan Dr. F.R.J. Verhoeven
31 Ogos 1966	Akta Arkib Negara No. 44/1966 dikuatkuasakan
31 Ogos 1966	Undang-undang/Akta Arkib Negara 1966 dikuatkuasakan
	Satu bahagian baru iaitu Perkhidmatan Perpustakaan Negara ditubuhkan
5 Dis 1966	Bangunan Pusat Urusan Rekod dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Tun Abdul Razak
20 Julai 1967	Lembaga Penasihat Arkib Negara yang dianggotai oleh 5 orang ahli dibentuk
11 Julai 1968	Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Rantau Asia Tenggara (SARBICA) ditubuhkan
	Pengarah Arkib Negara Malaysia dilantik sebagai Pengerusi. Sekretariat dan Setiausaha adalah di Arkib Negara
15 Julai 1968	Mesyuarat Pertama Lembaga Penasihat diadakan
1969	Senarai Penerimaan Arkib Negara Malaysia (1957 –1967) Senarai lengkap penerimaan rekod diterbitkan buat pertama kali dalam masa 10 tahun
1971	Jawatan Pengarah ditukarkan kepada Ketua Pengarah dan nama jabatan ditukarkan kepada Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara
Mei 1972	Pejabat cawangan pertama iaitu Pejabat Wilayah Selatan ditubuhkan di Johor Bahru
19 Feb 1973	Encik Saad Marzuki dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia
1 Julai 1976	Pejabat Cawangan Sarawak ditubuhkan

SEJARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA

1957	ditubuhkan pada 1.12.1957 sebagai pejabat Rekod Awam.
1963	dikenali sebagai Arkib Negara Malaysia.
1966	akta Arkib Negara No.44, Tahun 1966 diluluskan.
1966	bangunan Arkib Negara Malaysia di Petaling Jaya dirasmikan.
1982	Arkib Negara Malaysia berpindah ke bangunan baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur.
2003	Akta Arkib Negara 2003 (Akte 629) diluluskan.
2004	Arkib Negara Malaysia diletakkan dibawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah berkaitan penglibatan beliau dari awal tahun 1977 hingga akhir tahun 2007 dan menjawat jawatan tertinggi dalam Institusi Arkib iaitu Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Rakaman ini telah dijalankan sebanyak dua sesi di ruang tamu teratak Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah di Chemor, Perak bertarikh 2 November 2013 pada jam 2.30 petang dan juga 4 November 2013 pada jam 2.45 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Nor Akma Binti Johan dan dibantu oleh Hanis Faradiana Binti Halias. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk:

NAJ – Nor Akma Binti Johan

TH – Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah

KASET 1 BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

NAJ : Assalamualaikumwarahmatullahiwbabarakatu, nama saya Nor Akma Binti Johan dan juga Hanis Faradiana Binti Halias, kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat di tahun akhir, kami dari UiTM Machang Kelantan. Kami hari ini ingin wawancara untuk memenuhi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan IMR604 sebagai syarat untuk memenuhi tahun akhir, hari ini kami akan mewawancara Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah, dan kami juga amat berbesar hati diatas kesudian Tuan meluangkan

masa. Berdasarkan atas kajian yang kami lakukan sedikit kami difahamkan dan sedia maklum bahawa Tuan telah lama melibatkan diri dalam Institusi Arkib dan semestinya Tuan Haji banyak pengalaman yang ingin, boleh dikongsikan bersama kami dan sudah tentu pengalaman ini tidak dapat dijual beli. Dengan itu, kami mulakan dengan maklumat latar belakang Tuan Haji Zawawi (ganguan bunyi kenderaan). Pada mulanya saya ingin tanya apakah nama penuh Tuan Haji?

TH : Bismillahirrahmannirahim,
Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatu terlebih dahulu saya berbesar hati kerana dipilih untuk meyertai Program Pendokumentasian Sejarah Lisan UiTM Machang, bukan sesuatu perkara yang asing bagi saya kerana bidang ini saya pernah pelopori sama dalam Jabatan Arkib, nama saya Muhamed Zawawi Bin Abdullah, kalau tarikh lahir saya *dua puluh tiga haribulan oktober Sembilan belas lima puluh tiga* [23/10/1953], yakni baru merupakan lebih kurang *dah* [sudah] masuk umur saya *enam puluh* [60] tahun belum *satu* [1] minggu, sepuluh hari sebab saya baru sahaja menyambut tarikh lahir umur saya *enam puluh tahun* [60] tahun. Sekarang saya *dah* [sudah] *enam puluh tahun* [60] tahun, (ganguan bunyi kertas di selak) saya dilahirkan di Grik Perak dan saya mendapat pendidikan awal saya di sekolah masa itu dipanggil *Nasional Type Primary School English* [Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan Inggeris] dan sehingga darjah *enam* [6] kemudian saya melanjutkan pelajaran peringkat menengah rendah di Grik (gangguan bunyi kenderaan), dan mengambil peperiksaan Lower Certificate of Education iaitu ataupun singkatannya LCE sekarang *dah tak de dah* [sudah tiada] benda *tu* [itu] tahun *sembilan belas enam puluh lapan* [1968] dan lulus dan melanjutkan pelajaran ke tingkatan *empat* [4] dan *lima* [5] di Grik juga, dan menduduki peperiksaan Malaysia Certificate of Education MCE pada tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970], dan pada tahun *tujuh puluh satu* [1971] dan ke *tujuh puluh dua* [1972] saya melanjutkan pelajaran ke tingkatan di Sekolah Enderson di Ipoh, dan pada akhir tahun *sembilan belas tujuh puluh satu* [1971] saya menduduki peperiksaan Higher School Certificate HSC lulus dengan markah yang agak baik dan terus melanjutkan pelajaran ke Universersiti Malaya pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] (gangguan bunyi kenderaan) dan mengambil mata pelajaran sejarah sebagai *major* [utama] subjek pada tahun *pertama* [1] hingga tahun *ketiga* [3] dan mendapat kelulusan ijazah dalam bidang sejarah *ni* [ini] pada dan mendapat konvoquesyen pada tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976], dan sesuatu yang ingin saya perjelaskan disini daripada peringkat awal iaitu saya di peringkat *primary* [awal] sehinggalah ke

peringkat universiti (ganguan bunyi kertas diselak) latar belakang saya adalah dalam bahasa berlatarkan bahasa Inggeris, jadi daripada awal lagi saya daripada darjah **satu** [1] saya didedahkan oleh arwah bapa saya dalam matapelajaran dalam jurusan Inggeris sehinggalah ke universiti dan Alhamdulillah sebenarnya ini banyak membantu saya dalam menjalankan tugas saya selanjutnya apabila saya keluar dalam bidang pekerjaan.

NAJ : **Jadi itu bermakna Tuan Haji memang berasal dari Perak dan bukan dari negeri lain, jadi boleh Tuan Haji ceritakan dari sekolah di Grik bagaimana Tuan Haji boleh berpindah ke Ipoh iaitu melanjutkan tingkatan enam [6] di Sekolah Anderson.**

TH : Jadi saya sebenarnya mendapat peluang untuk selepas *LCE* [Lower Certificate of Education] untuk melanjutkan pelajaran ke luar tapi waktu itu arwah bapa saya merasa ada keyakinan untuk saya meneruskan pelajaran di Grik dan ini mungkin pada dia sebagai untuk memberi kekuatan diri untuk saya menghadapi maklumlah dalam keadaan di bandar yang terpencil ini dari segi kemudahan yang kurang dan sebagainya, mungkin dia *nak* [lihat] *tegok* [lihat] bagaimana pendekatan saya untuk belajar, jadi allhamdulillah apabila saya mengambil peperiksaan *MCE* [Malaysia Certificate of Education] (ganguan bunyi kenderaan) pada tahun *sembilan belas tujuh puluh dua* [1972] saya mendapat markah yang baik iaitu gred *satu* [1] dan saya merupakan anak melayu pertama di Daerah Grik daripada jurusan Inggeris yang dapat melanjutkan pelajaran ke

tingkatan *Enam* [6], dan pada waktu itu *option* [pilihan] saya adalah kepada beberapa sekolah-sekolah di negeri Ipoh ni antaranya Sekolah *Anderson, St. Michael* ataupun *King Edward* pula di Taiping, *tapi* [tetapi] saya memilih untuk berada di Ipoh yakni di *Anderson School*, terutamanya saya pada waktu itu mempunyai bapa saudara, ada bapa saudara yang berkerja di Ipoh pada peringkat awalnya dialah saya menumpang dengan dialah dan rumah dia berdekatan dengan sekolah dekat *tak* [tidak] dekat pun lebih kurang dalam hampir *tujuh* [7] batu jadi hari naik basikal ke sekolah dan sebagainya, dan pada *situ* [keadaan tersebut] saya rasa apabila berada di Enderson disebabkan latar belakang bahasa Inggeris, Sekolah Enderson merupakan sekolah-sekolah yang *premier* [tinggi] jadi tahap pelajarannya tahap pendedahan bahasanya dengan pelajar-pelajar bangsa lainnya *tu* [itu] memang kurang kita dapat bercakap *melayu* [Bahasa Melayu] jadi pada waktu itu memang dia punya orang kata penekanannya bahasa Inggeris *ni* [ini] amat tinggi dan Alhamdulillah saya dapat melaluinya dan sesuatu yang berlaku pada masa saya *kat* [dekat] *Anderson*, pada waktu itu apabila saya mendaftarkan diri untuk memasuki peperiksaan *HSC* [Higher School of Education] kami diwajibkan untuk mengambil *lima* [5] mata pelajaran untuk untuk mendapat *principle* [lulus] ingat benda *tu* [itu] *you all* [kamu semua] pun tahu kan *benda* [perkara] *tu* [itu] daripada *lima* [5] *tu* [itu] saya begitu mengambil keyakinan untuk untuk *drop* [gugur] *dua* [2], *dua* [2] mata pelajaran saya *drop* [gugurkan] kan jadi saya *concentrate*

[menumpukan perhatian] *tiga* [3] sebab *tiga* [3] *ni* [ini] adalah minima untuk kelulusan ujian dan diwajibkan mengambil kertas am ataupun *general paper* [kertas am], jadi Alhamdulillah daripada peperiksaan tersebut keputusan daripada *tiga* [3] *paper* [kertas] yang saya sebut tadi saya mendapat A, B dan C dan *general paper* [kertas peperiksaan am] saya satu jadi satu *gamble* [perjudian] bagi pada saya tapi Alhamdulillah pada waktu itu, dengan pendekatan yang saya ambil sebab saya *confident* [yakin] dengan *tiga* [3] *paper* [kertas] ini dan *dua* [2] *paper* [kertas] *ni* [ini] saya *drop* [gugurkan] memang saya kata kalau ambil memang buat menyusahkan saya *je* [sahaja], saya *drop* [gugurkan] awal-awal jadi saya *concentrate* [menumpukan perhatian] *tiga* [3] *paper* [kertas peperiksaan] dan dengan kertas am *general paper* [kertas am] jadi Alhamdulillah saya *clear* [selesai] semua itu dan kelulusan semua itu, dan kelulusan saya untuk HSC itu A untuk kalau *tak* [tidak] salah saya untuk Bahasa Melayu, B untuk Sejarah dan C untuk Geografi dan *satu* [1] untuk Kertas Am, jadi Alhamdulillah dengan keputusan itu saya *apply* [memohon] untuk masuk ke Universiti Malaya, dan pada waktu itu Universiti Malaya merupakan Universiti yang *brand* [ternama] yang dari segi kemasukannya memang agak susah, berbanding masa saya dulu tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] cuma ada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Sains dan Universiti Pertanian pada waktu itu dan Universiti Teknologi jadi *nak* [hendak] masuk

Universiti Malaya *ni* [ini] memang orang kata agak susah tapi Alhamdulillah dengan kelulusan saya diterima masuk dan bermulalah alam pendidikan saya sebagai seorang mahasiswa.

NAJ : **Sememangnya saya amat kagum dengan latar belakang pendidikan Tuan Haji, jadi bagaimana pula selepas Tuan Haji menerima ijazah? Adakah Tuan Haji melanjutkan ke peringkat lebih tinggi selepas ijazah?**

TH : Saya mendapat ijazah saya pada tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976], jadi pada waktu itu keadaan ekonomi negara kita agak meruncing (bunyi kenderaan lalu), jadi banyak penganguran, jadi apabila saya selesai peperiksaan tahun *tiga* [3] dan sambil menunggu keputusan seorang teman saya telah mengajak saya untuk mengajar menjadi guru Sekolah sementara di Sekolah Al Khairiah Al Syarif di Gunung Semonggol, sekolah ini Sekolah Agama, Al Khairiah Alsyarif di Gunung Semanggol, pada waktu itu yang menyeronokkan *satu* [1] peristiwa yang saya ingat, dari segi gaji kami yang berkelulusan ijazah dibayar gaji *empat ratus ringgit* [RM400], sementara guru besar kepada sekolah itu dipanggil mudir pengetua sekolah mendapat gaji *empat ratus dua puluh ringgit* [RM420], jadi dia *extra* [lebih] *dua puluh ringgit* (RM20), jadi pada waktu itu bukannya jadi wang itu tidak perlu sangat tapi cuma hendakkan pengalaman dan sebagainya, jadi saya mengajar kepada penuntut-penuntut institusi tersebut bagi tempoh hampir setahun, dan mata pelajaran yang saya ajar pada waktu itu, Sejarah, Kesusasteraan

Melayu dan Bahasa Inggeris (bunyi kicauan burung).

NAJ : **Boleh Tuan Haji ceritakan sememangnya Tuan Haji berasal dari Grik Perak kemudian menetap di Ipoh Perak dan kemudian belajar di Universiti Malaya semestinya berada di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur, jadi saya ingin tanya selepas Tuan Haji mengajar di Sekolah Al Khairiah Al Sharif Tuan Haji menetap dimana (orang bercakap)?**

TH : Selepas saya belajar di Universiti Malaya semestinya saya berada di Kuala Lumpur (bunyi kenderaan) jadi saya tinggal di Perak setahun sepanjang *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] dimana pada waktu itu saya mengajar di Gunung Semanggol bermakna dekat Taiping makna dalam tempoh setahun itu saya memang ada balik ke Perak dan berada di Gunung Semanggol, dan pada masa saya mengajar di Gunung Semanggol ada keluar iklan pekerjaan pada waktu itu apa yang keluar *kite orang* [kami] *apply* [mohon] lah, jadi *so what happened* [jadi apa yang berlaku] pada waktu itu keluar iklan untuk jawatan Pegawai Arkib dan saya *apply* [mohon], pada akhir tahun *tujuh puluh enam* [1976] saya menduduki temuduga di Kuala Lumpur dan dimaklumkan saya diterima untuk bertugas sebagai Pegawai Arkib dan apabila diterima bertugas saya meletakkan jawatan sebagai guru sementara dan kembali ke Kuala Lumpur untuk memulakan tugas (bunyi kenderaan).

NAJ : **Berapa lama Tuan Haji menetap di Kuala Lumpur dan saya difahamkan seepas Tuan Haji bersara Tuan menetap disini,**

apakah faktor yang menyebabkan Tuan Haji menetap di Ipoh Perak?

TH : Kalau nak diikutkan saya berada di Kuala Lumpur bermula daripada tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] apabila saya belajar apabila saya belajar tahun *sembilan belas tujuh puluh tiga* [1973] sampai akhir tahun *sembilan belas tujuh puluh lima* [1975], tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] saya di Gunung Semaggol, dan bermula pada *satu haribulan januari sembilan belas tujuh puluh enam* [1/1/1977], saya berada di Kuala Lumpur sehinggalah saya bersara pada tarikh *tiga puluh satu disember dua ribu tujuh* [31/12/2007] maknanya untuk tempoh yang agak panjang saya berada disana, tetapi sebagai seorang pegawai kakitangan kerajaan, dalam tempoh tersebut saya ditukarkan beberapa kali sepanjang kerjaya saya contohnya pada tahun *tujuh puluh sembilan* [1979] sehingga tahun *lapan puluh dua* [1982] saya berada di Alor Setar sebagai (bunyi kenderaan lalu) pengarah kepada cawangan arkib disana dan pada tahun *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979] hingga tahun *lapan puluh dua* [1982], akhir tahun *lapan puluh dua* [1982] hingga tahun *lapan puluh lapan* [1988] saya kembali ke Kuala Lumpur, dan pada tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988] hingga *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] saya ditukarkan ke Melaka menjawat jawatan sebagai Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan dan pada tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988] sehinggalah saya bersara saya kembali berada di Kuala Lumpur dan pada waktu itu kerana saya dinaikkan kepada

pangkat yang lebih tinggi yang memerlukan saya berada pejabat di Arkib Negara (diiringi gangguan bunyi kicauan burung).

NAJ : Jadi bermakna Tuan Haji mula menetap disini pada tahun *dua ribu tujuh* [2007] hingglah sekarang, nama sudah, menetap *pun* [juga] sudah, jadi kita beranjak kepada latar belakang keluarga Tuan Haji, jadi saya ingin bertanya latar belakang keluarga Tuan Haji (bunyi kicauan burung dan kertas diselak).

TH : Sebelum itu saya lupa nak maklumkan mengapa saya kembali ke Perak selepas saya bersara, mungkin atas dasar sebagai anak orang kampung, jadi pada saya Kuala Lumpur itu adalah tempat saya belajar dan tempat saya mencari nafkah, tapi untuk berada disana adalah tidak sesuai kerana saya lebih selesa berada di tempat yang agak tidak bising dan sebagainya (bunyi binatang). Jadi faktor utama mengapa saya memilih saya berada di Perak atau di Ipoh *ni* [ini] adalah sebagai pertamanya lari dari hiruk pikuk di Kuala Lumpur, yang kedua sebagai kembali berada berdekatan dengan ahli keluarga saya yang lain adik beradik saya kebanyakannya berada di Perak, jadi yang ketiganya mungkin dari segi faktor kemasyarakatannya, kalau di *KL* [Kuala Lumpur] itu keadaan hidupnya adalah seperti diri awak diri awak diri saya diri saya (orang bercakap), kadang-kadang *tu* [itu] balik pergi pejabat sama balik pun sama tapi kadang-kadang *tu* [itu] kita tidak tahu siapa yang disebelah kita dan berbanding kalau disini walaupun dalam tempoh yang agak singkat daripada tahun *dua ribu*

lapan [2008] saya berada di Perak dengan keadaan masyarakat yang lebih terbuka dan sebagainya jadi lebih sesuai. Tentang latar belakang keluarga saya bapa saya bernama Abdullah bin Sawaf, ibu saya bernama Kasmuni Binti Haji Ibrahim (bunyi kenderaan lalu lalang), saya adalah anak yang *kelima* [5] daripada *sepuluh* [10] adik beradik, kesemuanya yang ada sebenarnya *tiga belas* [13] orang, *tiga* [3] meninggal dan *sepuluh* [10] masih ada sehingga sekarang jadi saya nombor *lima* [5] dan daripada *sepuluh* [10] itu *tiga* [3] adalah perempuan, *tujuh* [7] adalah *laki-laki* [lelaki]. Jadi arwah bapa saya semasa hayatnya jawatan akhirnya sebagai Kerani Besar di Pejabat Daerah Grik Perak dan ibu saya seorang suri rumah, dan asal kedua-dua orang tua saya ini, arwah bapa saya berasal dari Kati dekat Kuala Kangsar, ibu saya berasal daripada Sayong Kuala Kangsar, jadi apabila arwah bapa saya bertugas di Grik daripada peringkat awal lagi pada tahun sebelum perang maksud saya selepas perang jadi dia terus menetap di Grik (bunyi motosikal lalu) jadi bapa saya berasal daripada Kampung di Kati, walaubagaimanapun dari segi saudaramara masih berada di Kati di Sayong dan sebagainya, jadi kebanyakan daripada adik beradik saya berada di sekitar negeri Perak kebanyakannya.

NAJ : **Latar belakang pendidikan adik beradik Tuan Haji?**

TH : *Ok* [baiklah]. Arwah bapa saya adalah seorang yang menerima pendidikan seperti saya iaitu dia berpendidikan berlatarkan Inggeris

dan kalau tidak disebabkan pecah perang dunia ke *dua* [2] masa itu dia dah hampir menduduki peperiksaan Senior Cambridge, dan sesuatu yang saya kagum dengan arwah bapa saya ialah dari segi penguasaan Bahasa Inggeris yang memang saya kagum, kerana pada satu kejadian pada masa beliau terlantar di hospital dekat *nak* [penghujung] akhir hanyatnya. Ada seorang doktor yang nak memeriksa pada masa itu sakit dia *dah* [sudah] agak teruk la, dia doktor mempunyai *profile* [profil] pesakitnya, bercakap dengan saya dalam bahasa Inggeris, bila dia bercakap dengan saya dalam bahasa Inggeris, dia beranggapan bapa saya *tak* [tidak] tahu. Bila dia bercakap bapak saya terus sampuk dalam Bahasa Inggeris -----, sepanjang tempoh saya berada dengan beliau, dia lah yang menyemak penguasaan Bahasa Inggeris saya macam mana, dari bercakap saya, *grammer* [tatabahasa] saya macam mana, macam mana nak buat *sentence* [ayat] *nak* [hendak] buat *essay* [karangan], jadi memang Alhamdulillah pada waktu itu pada tahun *sembilan belas lima puluh tiga* [1953], beliau *dah* [sudah] ada *satu* [1] *vission* [pandangan] penguasaan Bahasa Inggeris memang penting (bunyi kenderaan), jadi saya diberi peluang menduduki aliran Bahasa Inggeris pada awal lagi, jadi sepuluh daripada *sepuluh* [10] adik-beradik saya selepas saya kebanyakannya masuk ke aliran Bahasa Inggeris tapi atas pada saya banyak yang masuk ke aliran Melayu jadi dari segi pendidikan, walaupun arwah bapak saya bertugas sebagai Kerani Besar di Pejabat Daerah Besar di Pejabat Daerah mungkin diatas- sebab kesempitan

hidup (bunyi kenderaan lalu) jadi cuma saya seorang sampai ke peringkat universiti yang lainnya sampai ke peringkat sekolah menengah ataupun peringkat kolej dan terus masuk ke alam pekerjaan, semua saya *je* [sahaja] arwah bapa saya tidak benarkan saya berhenti masa *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], masa saya *MCE* [Malaysia Certificate of Education] maksud saya, sebab masa itu tahun *sembilan belas tujuh puluh* [1970] dengan sijil *MCE* [Malaysia Certificate of Education] saya *dah* [sudah] boleh mendapat jawatan yang bagus dalam bidang kepolisian atau bidang perguruan *tapi* [tetapi] dia tidak benarkan saya, terus *proceed* [teruskan] terus belajar ke peringkat yang lebih tinggi, jadi alhamdulillah dengan *back up* [bimbingan] daripada beliau dan arwah mak saya jadi kuatkan semangat saya dapatlah terus melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti satu, bidang satu peringkat universiti, saya *tak* [tidak] tahu sekarang pada masa saya di peringkat universiti sesuatu keadaan dimana kita sendirian, masa cara bagaimana *lecturer* [pensyarah] kami mengajar dia cuma cakap “*ok* [baiklah] hari kita akan bercakap berkaitan dengan *subjek* [tajuk] sekian-sekian jadi dia cuma bagi secara *list* [senarai] sahaja lepas ini awak buat sendiri minggu depan atau satu lagi saya hendak masing-masing buat satu *essay* [karangan]” *ke pa* [atau apa] sebagainya, jadi terpulang pada kita lah, daripada awal lagi didik sedemikian supaya berdikari mencari sendiri sumber sebagainya pada waktu itu bukan seperti sekarang pendedahan di

dalam internet semua boleh ambil, pada waktu *library* [perpustakaan] menjadi tempat atau rumah kedua masa universiti kami adalah *library* [perpustakaan], di perpustakaan, daripada selepas *lecture* [kelas] daripada sejam *tu* [itu] kadang-kadang setengah jam saja pastu *break* [rehat] masing-masing cari jalan, terpulang *ikot* (mengikut) cara masing-masing ada yang belajar, ada yang upah orang untuk belajar, benda macam-macam gayanya. Jadi mungkin latar belakang arwah bapa saya beratkan pendidikan saya sampai berjaya (sambil gangguan bunyi kicauan burung).

NAJ : Jadi bilakah arwah ayah Tuan Haji dan arwah ibu Tuan Haji meninggal dan apakah punca sakitnya (bunyi kenderaan lalu)?

TH : Saya kehilangan mereka pada peringkat awalnya bapa saya dahulu (bunyi kenderaan) dan seterusnya mak saya, bapa saya, meninggal pada tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] pada usia *tujuh puluh* [70] tahun, dan penyakit ada kemungkinan pendarahan dalam perut, *internal bleeding* [pendarahan dalaman]. Saya kehilangan ibu saya pada *empat* [4] tahun kemudinnya iaitu pada tahun *sembilan belas sembilan puluh empat* [1994] iaitu pada usia *enam puluh enam* [66] tahun.

NAJ : Sekarang ini kami sudah tahu serba sedikit latar belakang Tuan Haji, jadi saya ingin teruskan kepada frasa keluarga Tuan Haji sendiri iaitu pada tahun bila Tuan Haji mula berumah tangga dan sekiranya Tuan Haji tidak keberatan boleh Tuan Haji kongsi bersama Tuan Haji dan bagaimana Tuan Haji

berkenalan dengan isteri Tuan Haji (orang bercakap)?

TH : Saya mendirikan rumah tangga pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] lebih tepatnya pada *dua puluh empat haribulan September sembilan belas tujuh puluh tujuh* [24/9/1977], dan isteri saya bernama Faridah Binti Haji Arshad dan saya mengenali beliau pada tahun *sembilan belas tujuh puluh satu* [1971] lagi, iaitu pada waktu tahun *tujuh puluh satu* [1971] saya berada di tingkatan *enam* [6] atas dan disebabkan isteri pada waktu baru memasuki sekolah yang sama Sekolah Enderson School sebagai pelajar untuk tingkatan *enam* [6] bawah jadi kebiasaan waktu itu masa kami *form six* [tingkatan enam], ada sesi orientasi dan sebagainya, dan saya mula mengenali isteri saya dan saya bersama dengan dia pada peringkat itu (bunyi kenderaan) dan mula bertunang tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976], masa itu saya mengajar di *Sharif* [Sekolah Al Khairiah Al Syarif] saya bertunang dengan dia dan setahun kemudian melangsungkan perkahwinan, isteri saya memainkan peranan yang penting dalam hidup saya sebagai memberi semangat untuk belajar terus belajar, pada waktu yang sama apabila beliau menghabiskan *HSC* [Higher School Certificate] dia, beliau walaupun mendapat kesempatan untuk melanjutkan pelajaran tetapi beliau memilih untuk berkerja, dan beliau berkerja sebagai Kerani Cashier di Charter Bank Ipoh, dan terus sehinggalah kami bertunang dan berkahwin dan hasil daripada perkahwinan tersebut kami dikurniakan cahaya mata *lima* [5] orang anak, *dua* [2] perempuan *tiga* [3] lelaki.

- NAJ : Tuan Haji mempunyai *lima* [5] cahaya iaitu *dua* [2] perempuan dan *tiga* [3] lelaki. Bagaimana Tuan Haji membesarkan mereka dan bagaimana pula dengan latar belakang pendidikan mereka?
- TH : Anak yang pertama saya lahir pada tahun *tujuh puluh sembilan* [1979], keduanya pada *sembilan belas lapan puluh* [1980], dan selanjutnya yang ketiga pada tahun *lapan puluh empat* [1984], yang keempat *lapan puluh tujuh* [1987] dan yang akhirnya *sembilan belas sembilan puluh* [1990] yang bongsu sekali. Pada waktu itu pada tahun *tujuh puluh sembilan* [1979] dari segi perkerjaan saya *dah* [sudah] mula bertapak kukuh dan saya mempunyai Alhamdulillah mempunyai kelulusan dari segi ekonomi dari segi hidup saya adalah lebih baik dan saya memberi pendedahan pelajaran daripada peringkat awal (bunyi kenderaan lalu) lagi dengan pendidikan pendidikan tadika biasa sehinggalah kepada setinggi yang boleh, dan Alhamdulillah semuanya berjaya dalam hidup sampai ke peringkat universiti dan sebagainya, dan cuma dari segi pekerjaan anak saya yang *pertama* [1] beliau bekerja pada peringkat awalnya sebagai *programmer* [pengatur cara program komputer], tetapi apabila dia melangsungkan perkahwinan dia dan mendapat anak *seorang* [1] dia membuat keputusan untuk tidak berkerja dan mengambil keputusan menjadi suri rumah sepenuhnya jadi pada saya (bunyi kenderaan), tanggungjawab saya selesai dari segi memberi pelajaran, pendidikan

kepada anak-anak saya sehingga yang termampu yang mereka capai dan sehingga mereka hidup berdikari sendiri dengan dengan pekerjaan masing-masing, Alhamdulillah lah (bunyi kenderaan).

NAJ : Jadi bagaiman pula dengan bilangan cucu Tuan Haji dan lingkungan umur mereka?

TH : Setakat ini, orang *tak* [tidak] tahu *coming soon* [akan datang] lagi, setakat ini Alhamdulillah saya diberkati (bunyi kenderaan lalu) dengan *sembilan* [9] orang cucu, daripada anak yang pertama *empat* [4]orang, anak saya yang kedua *tiga*[3], anak yang kedua *dua* [2], dan yang keempat *seorang* [1] yakni *sembilan* [9] orang. Almadullillah *sembilan* [9]orang cucu saya dan mereka nampaknya *oklah* [baik] dalam hidupnya dibimbing oleh ibubapa masing-masing (diiringi gangguan bunyi kicauan burung).

TAMAT KASET 1 BAHAGIAN A

KASET 1 BAHAGIAN B: KERJAYA TOKOH

NAJ : Terima kasih Tuan Haji, kini kami sudah tahu serba sedikit latar belakang Tuan Haji, kini kita beralih kepada kerjaya Tuan Haji, saya difahamkan pada mula tahun *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] Tuan Haji mula *apply* [memohon] sebagai guru sementara. Boleh Tuan Haji ceritakan serba sedikit pengalaman dan juga perjalanan hidup Tuan Haji sebelum Tuan Haji mula berkerja di Institusi Arkib.

TH : Jadi dari segi perkerjaan sebenarnya sewaktu saya bergelar mahasiswa untuk *tiga* [3] tahun *pertama* [1]-----, waktu itu universiti mengamalkan sistem penggal sekarang ini semester, daripada *tiga* [3] penggal selalunya peperiksaan akan dilangsungkan penggal yang *ketiga* [3], dan selepas peperiksaan biasanya cuti yang diberikan kepada kami adalah panjang lebih kurang dalam *tiga* [3] bulan ada yang *empat* [4] bulan (bunyi kenderaan). Jadi dalam tempoh cuti yang begitu panjang saya berkesempatan, selalunya saya balik ke Grik, jadi Alhamdulillah untuk *tiga* [3] tahun yang cuti panjang, saya berkesempatan untuk menjawat jawatan guru sandaran mengajar mata pelajaran Sejarah, Bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Sultan Idris Shah Grik, sekolah lama saya, jadi setiap kali cuti *term* [penggal] *ni* [ini] biasanya saya ada peluang untuk memulakan sesi saya sebagai seorang yang berkerja, dan Alhamdulillah gaji yang diterima memadai untuk saya berkerja dan disitu mungkin ada pendedahan minat saya kepada arah mana, dan pada awal lagi penguasaan saya pada bidang sejarah ni dan bidang bahasa adalah sesuatu yang lebih dari yang lain, saya amat meminati kedua-dua bidang ini walaupun pada sesetengah orang sejarah ini sesuatu yang mengantukkan, tidak pada saya, saya berminat pada bidang ini, dan pada situ apabila saya melanjutkan ke peringkat universiti dan diberikan macam saya terangkan tadi kelulusan saya dalam *HSC* [Higher School Certificate] saya A, B dan C, dan untuk

penguasaan saya kepada mata pelajaran Bahasa, Geografi dan Sejarah adalah sama kuat, saya boleh mengambil apa-apa bidang tetapi saya memilih untuk *major* [utama] dalam bidang Sejarah, dan Sejarah yang saya *major* [utama] pada waktu itu, pada tahun *dua* [2] dan *tiga* [3] adalah dalam bidang Sejarah Asia, semua lah bermakna kalau kita *tengok* [lihat] sejarah negara-negara di Asia ini dan saya perincikan penguasaan saya pada tahun ketiga *major* [utama] subjek saya adalah sejarah negeri Jepun, China dan juga sejarah Myanmar dan Malaysia, *empat* [4], secara terperinci sejarah empat negara ini memang saya *master* [kuasai]. Jadi apabila saya keluar, dalam habis belajar dan mendapat ijazah, pekerjaan yang paling sesuai pada seseorang yang mempunyai latar belakang sejarah sama ada *you end up* [awak akhiri] sebagai guru tidak kira guru sejarah (bunyi kenderaan lalu), ataupun bekerja dalam bidang-bidang yang berkait dengan sejarah iaitu seumpunya dalam Jabatan Muzium, Jabatan Arkib ataupun Jabatan Perpustakaan. Jadi *tiga* [3] cabang pekerjaan ini memerlukan latar belakang sejarah yang kuat, jadi apabila keluar *je* [sahaja] iklan untuk pekerjaan Jabatan Arkib saya terus mohonlah, alhamdulillah tidak ada tapisan dan saya terus dipanggil untuk menghadiri temuduga dan yang seronoknya pada waktu itu temuduga pagi dan tengah hari *dah* [sudah] dapat tahu *dah* [sudah]. *Tak* [tidak] macam sekarang ini lambat sangat, jadi saya *interview* [temuduga] pagi kemudian kami, pada waktu itu *lima* [5], *enam* [6] orang jadi

selepas *interview* [temuduga] kami diletakkan diberi minum dan sebagainya kemudian dipanggil balik dan dimaklumkan bahawa awak berjaya dan mula ditugaskan. Begitu juga saya dipanggil dan dimaklumkan telah diterima sebagai *intake* [pengambilan] yang masa itu ada *tiga* [3] kekosongan dan saya diletakkan nombor *dua* [2], *satu* [1] *dua* [2] dan *tiga* [3], ada *dua* [2] orang lagi sebagai simpanan. Jadi mungkin disebabkan latar belakang sejarah saya menyebabkan saya mendapat jawatan di Arkib (bunyi kenderaan), jadi bidang Arkib ini pula ialah *satu* [1] bidang baru, kalau boleh saya terus pergi kepada bidang Arkib pada waktu itu. Arkib ini banyak orang yang *tak* [tidak] tahu apa yang *dia* [Jabatan Arkib] buat pada kebanyakan orang bila orang bercakap pasal Arkib ini sebagai tempat simpan rekod-rekod lama itu *je* [sahaja], orang *tak* [tidak] tahu apa benda. Tapi apabila saya masuk di Arkib, saya dapati gambaran yang diberi itu salah sebenarnya Arkib Negara ini ialah pada saya ialah gudang gedung ilmu yang begitu besar yang boleh kita ambil daripada beberapa sudut, *you* [awak] *nak* [hendak] kaji daripada beberapa sudut *you* [awak] *nak* [hendak] kaji daripada sudut sosial, ekonomi, politik, semua boleh, jadi semua bahannya ada disitu terpulang pada *you* [awak] *nak* [hendak] apa *nak* [hendak] rujuk dan apa semua, dan itu menyeronokkan kerja saya dan bapa saya pun memberi galakan pada waktu itu untuk saya memasuki Arkib kerana pada dia Arkib Negara dia kata, saya masih ingat lagi adalah *satu* [1] tempat bekerja yang susah orang nak cari susah *nak* [hendak] terlibat dengan rasuah, tidak

terdedah dengan *public* [orang awam], sebab itu saya kuatkan semangat untuk terus menduduki jawatan di Arkib Negara pada awal lagi. Ada juga teman-teman saya duduk *dua* [2] *tiga* [3] tahun lari masuk ke bidang-bidang lain tetapi saya Alhamdulillah pada awal saya masuk bertugas pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] sehinggalah saya bersara saya bersama dengan Arkib (sambil gangguan kicauan burung).

NAJ : Jadi Tuan Haji mulakan jawatan sebagai Pegawai Arkib pada tahun *tujuh puluh enam* [1976], *tujuh puluh tujuh* [1977], jadi boleh Tuan Haji ceritakan lebih lagi berapa lama Tuan Haji menjawat jawatan sebagai Pegawai Arkib (orang bercakap) dan kemudian boleh Tuan Haji ceritakan kenaikan pangkat Tuan Haji?

TH : Saya mula menjawat jawatan sebagai Pegawai Arkib pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977], lebih tepat pada *satu Januari sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1/1/1977], tapi pada *satu Januari* [1/1] saya lapor diri *tak* [tidak] boleh, jadi *dua* [2] haribulan barulah saya pergi lapor pada pejabat waktu itu Arkib Negara pejabatnya di Jalan Sultan Petaling Jaya. Sebuah bangunan usaha sama kerajaan bersama dengan Arkib pada waktu itu bersama dengan Jabatan Pendaftaran, Bank Simpanan Nasional dan sebagainya, jadi Arkib menduduki *tiga* [3] *floor* [aras]. Sesuatu yang agak menarik pada Arkib *ni* [ini] pada waktu itu, kami yang masuk Arkib pada

peringkat awal tidak diberi gelaran sebagai pegawai, kami lebih tepat dipanggil sebagai Kadet-Kadet Arkib, Perintis Arkib, dan untuk disahkan sebagai Pegawai Arkib, kami yang masuk ataupun yang diberi jawatan Pegawai Arkib pada waktu itu diwajibkan untuk (bunyi kenderaan) mendapat sama ada peringkat ijazah ataupun bidang lanjutannya ke bidang diploma ataupun ijazah ke luar negara, jadi mata pelajaran ataupun untuk *qualify* [lulus] Pegawai Arkib *ni* [ini] kami perlu dihantar ke luar negara. Pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] memang sesuatu yang membanggakan lah *bukan* [tidak] semua orang dapat naik kapal terbang macam *tu* [itu] *je* [sahaja] tapi mahu *tak* [tidak] mahu kami *kena* [perlu] pergi ke luar negara. Jadi saya pada waktu itu, tempat yang mana seorang Kadet Arkib akan dihantar untuk dilatih seterusnya untuk menduduki peperiksaan dan disahkan sebagai Pegawai Arkib adalah beberapa negara umpamanya di England, di Australia, di Amerika Syarikat, Germany, India, paling dekat India, dan saya dipilih untuk melanjutkan pelajaran saya ke Diploma Pentadbiran Arkib di Institusi Arkib India di New Delhi, jadi bermakna saya menjadi Kadet Arkib pada bulan January sampai bulan September, pada awal Oktober saya dihantar ke India untuk melanjutkan pelajaran ke Diploma Pentadbiran Arkib untuk tempoh *setahun* [1] di New Delhi India. Jadi pengalaman saya waktu di India *tu* [itu] memang amat mencabar

terutama secara peribadinya saya dihantar ke India hanya *dua* [2] minggu selepas saya berkahwin, jadi bayangkanlah waktu masih lagi pengantin baru, baru *dua* [2] minggu saya telah dihantar ke India dan cabaran yang kedua di India ini tenaga pengajar mempunyai *satu* [1]- -- (bunyi kenderaan) mungkin dari segi selain daripada yang menduduki diploma adalah daripada India, penuntut-penuntut India, yang datang daripada negara-negara adalah Komenwell adalah (ganguan bunyi kenderaan) sedikit sahaja seorang daripada Nepal, seorang daripada Kenya, seorang lagi daripada Salon Sri Langka. Jadi ada kecenderungan masa *lecture* [bersyarah] di India, *lecturer* [pensyarah] disana apabila kursus dijalankan mereka mengajar dalam Bahasa Inggeris tetapi apabila untuk memperincikan sesuatu perkara kalau ditanya soalan dan hendak memperincikan jawapan dia akan menjawab dalam Bahasa Hindi, jadi kami daripada luar ini mahu atau tidak terpaksa mendalami dan terpaksa belajar-belajar juga Bahasa Hindi juga sedikit sebanyak. Jadi cara bagaimana hendak belajar bahasa hindi dalam masa yang cepat kami banyak tengok cerita Hindi, pergi tengok wayang Hindi dan belajar dengar cara bagaimana bahasa *dia* [Hindi]. Mungkin bila kita dalam keadaan keperluan benda yang susah menjadi keperluan. Dalam tempoh setahun *tu* [itu] *tiga* [3] bulan *pertama* [1] memang seksa tetapi *tiga* [3] bulan selepas itu dah boleh *catch up* [tangkap] dengan bahasa Hindi jadi, saya waktu itu boleh tahan jugalah Bahasa Hindi tengok cerita Hindi boleh faham,

itu yang mengajar saya mungkin ini juga merupakan salah *satu* [1] bentuk sabotaj juga (bunyi kenderaan lalu), tapi Alhamdulillah *bila* [apabila] peperiksaan dijalankan, saya mendapat markah yang baik dalam institut tersebut dan dianugerahkan diploma dan balik, balik pada tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] ke Kuala Lumpur dan barulah disahkan sebagai Pegawai Arkib. Jadi selain pada masa dekat India itu keperluan perkhidmatan awam pada waktu itu kami menduduki peperiksaan jawatan, jadi bayangkanlah saya terpaksa menduduki peperiksaan untuk diploma dan pada masa yang sama terpaksa juga menduduki peperiksaan-peperiksaan jawatan yang dihantar daripada Malaysia, dan Alhamdulillah saya berjaya mengatasinya dan kembali ke Malaysia pada akhir tahun *sembilan belas tujuh puluh lapan* [1978] dan disahkan sebagai Pegawai Arkib, dan apabila saya masuk bekerja sebagai Pegawai Arkib, gaji kami dibayar *tujuh ratus lima puluh ringgit* [RM750] itu permulaan gaji Pegawai Arkib (sambil gangguan bunyi kenderaan). Jadi secara ringkas apabila saya balik ke Kuala Lumpur barulah pihak pengurusan memikirkan dimana *nak* [hendak] letak kami, dan saya diberi kehormatan untuk bertugas di Alor Setar pada tahun *sembilan belas tujuh puluh sembilan* [1979] dan tugas saya pada waktu itu untuk membuka cawangan baru iaitu dipanggil Cawangan Arkib Utara----- (sambil gangguan getaran telefon bimbit dan bunyi kenderaan).

NAJ : **Rakaman ini dihentikan pada jam *tiga setengah* [3.30] petang di ruang tamu rumah Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah di**

Chepor Indah bertarikh *dua November dua ribu tiga belas* [2/11/1213].

TAMAT KASET 1 BAHAGIAN B

KASET 2 BAHAGIAN A: KERJAYA TOKOH

NAJ : Assalammualaikum (Hanis mencelah) warahmatullahi wabarakatuh. (bunyi angin kipas yang berterusan) Saya Nor Akma Binti Johan dan juga Hanis Faradiana Binti Halias (bunyi kerusi dibetulkan) pelajar dari kos Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sistem Maklumat di tahun akhir. Dengan ini saya ingin meneruskan (kertas diselak) wawancara bersama Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah pada jam *dua empat puluh lima* [2.45] petang bertempat di rumah Tuan Haji beralamat di Nombor *tiga* [3], Jalan Chepor Indah *tiga puluh enam* [36], Chepor Indah, *tiga satu dua ratus* [31200] Chemor, Perak. Rakaman ini bertarikh *empat* [4] November *dua ribu tiga belas* [2013] dan rakaman ini juga digunakan melalui medium telefon bimbit model Samsung *S Three* [S3] *Mini* [kecil] dan rakaman yang terakhir sebelum kita berhenti bersama Tuan Haji, Tuan Haji telah menjelaskan kerjaya Tuan Haji di Alor Star sebagai- (Tuan Haji mencelah) Pengarah Cawangan Arkib Cawangan Utara. Dengan itu, bolehkah Tuan Haji menyambung penceritaan kerjaya Tuan Haji sehingga Tuan Haji menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara?

TH : (berdehem) *Ok* [baiklah], terima kasih (berdehem).

Bismillahirrahmannirrahim. (angin kipas yang berterusan) Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Jadi (kenderaan lalu) sebelum saya menghuraikan lebih lanjut tentang tugas saya (kenderaan lalu) semasa berada di Alor Star, saya perlu menjelaskan bahawa sebelum itu, (kenderaan lalu) iaitu sebelum saya menghadiri kursus Diploma saya di India, saya bertugas di Ibu Pejabat Arkib dan dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program ataupun tugas-tugas berkaitan dengan Pendokumentasian Lisan salah satunya (berdehem). Dan sepanjang tempoh penglibatan saya dalam bidang ini, ramai tokoh-tokoh yang bergiat dalam pelbagai lapangan telah dapat ditemuduga dan transkrip yang lengkap telah disediakan dan setahu saya disimpan di Jabatan Arkib sebagai digunakan untuk sebagai bahan rujukan. Jadi saya berada di Alor Star untuk tempoh daripada tahun *tujuh puluh Sembilan* [1979] *bawaklah* [sehingga] (kenderaan lalu) kepada akhir tahun *lapan puluh satu* [1981]. Dan di Alor Star, saya bertugas antaranya dalam aspek menguruskan rekod-rekod kerajaan di wilayah negeri, tiga negeri di utara iaitu di Kedah, Perlis, dan Pulau Pinang. Di samping melaksanakan urusan-urusan yang berkaitan dengan pengurusan Arkib dan juga dari segi perhubungan awam, iaitu perjalinan perjalanannya kerjasama di antara Arkib Negara sebagai agensi Persekutuan dengan agensi-agensinya kerajaan di peringkat negeri di ketiga-tiga negeri tersebut. Dan pada Januari tahun *sembilan belas lapan puluh dua* [1982], saya diarahkan untuk bertukar kembali ke Ibu Pejabat Arkib Jalan Duta kerana (berdehem) dikehendaki untuk menerajui satu program baru di

Jabatan Arkib Negara iaitu berkaitan dengan program pemeliharaan rekod-rekod penting kerajaan. Jadi, untuk tugas ini, saya diminta untuk antara lain merancang, dan mengesan rekod-rekod penting kerajaan Malaysia di segala semua Kementerian dan agensi-agensi penting. Jadi antara lain projek ini bertujuan untuk mengenalpasti rekod-rekod tersebut dan digunakan kalau sekiranya kerajaan mengalami masalah-masalah seperti banjir, peperangan dan sebagainya. Dan program ini adalah program yang *High-Profile* [Profil Tinggi], sensitif kerana dia melibatkan saya dibolehkan untuk memeriksa, melihat, dan menentukan fail-fail kerajaan yang bertaraf tinggi, rahsia dan sebagainya itu dipelihara dan dijadikan salinan dalam bentuk *mikrofilem* [bahan salinan arkib] ataupun *microfiche* [bahan salinan arkib]. Jadi bagi tujuan ini, saya telah dihantar untuk berkursus satu kursus yang direka khas untuk mengendalikan program ini dan kursus ini pada waktu (kertas diselak) itu hanya dikendalikan di Amerika Syarikat dan (kertas diselak) di Kanada. Jadi, saya telah berada di Arkib Negara kedua-dua Negara tersebut untuk tempoh yang agak panjang pada tahun *sembilan belas lapan puluh lima* [1985] (kenderaan lalu) dan penglibatan saya dalam program rancangan rekod penting ini adalah berisiko tinggi kerana selain daripada ketua-ketua Negara, ketua-ketua agensi dan juga menteri-menteri yang berkaitan, saya sebagai orang daripada Arkib Negara (kenderaan lalu) dibolehkan untuk membaca dan mengetahui

tentang segala perkara-perkara maklumat-maklumat yang berkaitan dengan rahsia kerajaan pada waktu itu dan sepanjang tempoh saya bertugas sebagai ketua cawangan rekod penting ini, iaitu untuk tempoh hampir-hampir lima tahun *tu* [itu], saya berasa (kenderaan lalu) kadang-kadang *tu* [itu] *rasa* [perasaan] macam terancam jugalah, takut juga sebab maklumlah kalau sekiranya ada pihak-pihak tertentu yang berkehendakkan maklumat berkaitan dengan Negara kita dengan mudahnya kalau dia boleh (kenderaan lalu) dapati daripada diri saya secara paksa (kenderaan lalu berterusan). *So* [jadi], (kenderaan lalu) memandangkan keadaan (kenderaan lalu) yang segenting itu, dan saya pun telah lama dalam bahagian ini, saya telah memohon untuk ditukarkan ke cawangan lain. Jadi atas dasar tersebut, pada tahun *sembilan belas lapan puluh enam* [1986] *no sorry* [tidak maaf] *tujuh puluh enam* [76], *sembilan belas tujuh puluh enam* [1976] *bukan* [tidak] (ketawa kecil) *sembilan belas lapan puluh enam* [1986] *sorry* [maaf] *sembilan belas lapan puluh enam* [1986], (bunyi iklan menjual barangan kenderaan bergerak) saya telah ditukarkan untuk (bunyi kenderaan lalu) menjawat jawatan sebagai Pengarah Pengisytiharaan Kemerdekaan Negara yang bertempat di Melaka. Jadi, saya di Melaka pada satu tempoh yang panjang iaitu hampir lapan tahun dan antara tugas yang saya kendalikan di Melaka selaku Pengarah Memorial Pengisytiharaan Kemerdekaan adalah untuk mengesan, dan menyimpan dan menyebarkan maklumat yang berkaitan dengan sejarah kemerdekaan

Negara. Dan disamping itu (bunyi kenderaan lalu), melaksanakan urusan-urusan perhubungan awam ataupun sebagai serantau dalam mengendalikan membantu kerajaan Negeri Melaka dalam program-program yang berasaskan sejarah. Dan seperkara yang agak unik semasa saya berada di Melaka ini ialah pendedahan saya kepada menerima pelawat-pelawat daripada luar Negara yang datang ke Negara kita sebagai tetamu rasmi. Jadi, pada waktu itu, selain daripada berada di Kuala Lumpur, sebahagian daripada program lawatan rasmi ini termasuklah lawatan ke Melaka. Dan apabila mereka berada di Melaka, salah satu tempat yang wajib mereka hadir yang mereka lawati ialah Memorial Pengisytiharaan Kemerdekaan dan saya dikehendaki untuk mengiringi lawatan dan (kertas diselak) menerangkan ataupun memberikan taklimat kepada mereka ini kepada ketua-ketua Negara ini tentang sejarah kemerdekaan Negara. Dan mereka *ni* [ini] terdiri daripada pelbagai peringkat, Presiden, Perdana Menteri, anggota untuk kerabat diraja, kabinet-kabinet luar Negara dan sebagainya dan salah seorang yang saya temui semasa sebagai salah satu sesi lawatan ini ialah Allahyarham Presiden Yasser Arafat yang pada waktu itu menjawat jawatan sebagai Presiden Negara Palestin dan yang uniknya apabila beliau melawat Melaka pada waktu itu, beliau dikelilingi oleh anggota keselamatan, kawalan yang ketat diberikan kepada beliau dan semasa beliau melawat ke Memorial, saya diberi kesempatan untuk bersama dengan dia dan

saya rasa uniknya keadaan ini ialah *tak* [tidak] ramai orang yang dapat mendampingi beliau kerana beliau merupakan *high-profile target* [sasaran profil tinggi] bukan sahaja, dimana-mana sahaja beliau berada di dunia pada waktu itu beliau amat sensitif, sensitiviti beliau adalah tinggi jadi mana-mana tempat beliau lawati, kerajaan Negara tersebut pasti akan beri kawalan keselamatan yang ketat. Jadi, perjumpaan saya dengan beliau pada waktu itu adalah satu sesi yang memberi kenangan yang indah (barang tergesel pada bahan rakaman) untuk diri saya dan sesuatu yang saya rasa unik kerana boleh *bilanglah* [dikira] mungkin pada waktu itu *dekat* [di] Malaysia berapa orang *je* [sahaja] yang boleh bersama dengan Presiden Arafat. Selain daripada itu, ramai lagi tokoh-tokoh yang saya temui sepanjang tempoh saya berkhidmat sebagai (batuk kecil) Pengarah Memorial Pengisytiharaan Kemerdekaan. Dan pada penghujung (kertas diselak) tahun *sembilan belas lapan puluh enam* [1986], selepas berada hampir *lapan puluh sembilan* [8] tahun di Melaka, atas dasar kenaikan pangkat, saya ditukarkan (kenderaan lalu) kembali ke Ibu Pejabat Arkib Negara Jalan Duta Kuala Lumpur. Dan bermula daripada tahun tersebut sehinggalah tahun 2003, saya bertanggungjawab melaksanakan tugas selaku Pegawai atau pun Ketua Cawangan Latihan Arkib Negara Malaysia. Dan antara lain tugas yang saya laksanakan sebagai Ketua Cawangan Latihan adalah (kenderaan lalu) merancang dan mengendalikan program-program latihan pengurusan rekod untuk agensi-agensi kerajaan seluruh

Malaysia, merancang kursus-kursus kerjaya untuk kakitangan arkib dan pegawai-pegawai arkib, melaksanakan urusan-urusan berkaitan dengan pengendalian seminar ataupun *conference* [persidangan] untuk jabatan baik (barang bergesel pada alat rakaman) dalam dan di luar Negara. Dan satu yang tugas paling besar yang saya terus laksanakan sepanjang tempoh saya sebagai ketua cawangan latihan adalah dalam melaksanakan program yang dipanggil *Malaysian Technical Cooperation Program* ataupun singkatannya *MTCP* dan dalam Bahasa Malaysianya (kenderaan lalu) Program *PKTM* ataupun Program Bantuan Teknikal Malaysia, Kerajaan Malaysia. Jadi program ini adalah satu program yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia dengan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta-peserta daripada luar Negara mengenai pengendalian pengurusan satu-satu tugas yang berkait dengan agensi yang sedia ada di Malaysia. Jadi, Jabatan Arkib Negara, merupakan salah sebuah agensi yang dipilih untuk melaksanakan program ini dan setahu seingat saya lah, selain daripada Arkib Negara, terdapat juga (pensil jatuh di buku) lain-lain jabatan umpamanya Jabatan Perpustakaan Negara, Jabatan Pertanian, Jabatan Kementerian-Kementerian, Kementerian Pelajaran pada waktu itu, Kementerian Sumber Manusia, juga *JPA*, Jabatan Perkhidmatan Awam yang menerima calon-calon pelatih-pelatih daripada luar Negara ini. Jadi (pensil jatuh) untuk di Jabatan Arkib Negara sepanjang tempoh saya

(kenderaan lalu) mengendalikan program ini, (kenderaan lalu) hampir *tiga ribu* [3000] *la* [juga] rasanya yang pelatih-pelatih yang telah menerima latihan dalam bidang kearkiban di Arkib Negara dan kalau dicampurkan keseluruhan mungkin dalam *dua belas ribu* [12,000] orang lebih untuk satu di Negara kita. Jadi, program ini adalah satu program yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan di mana kos sara hidup peserta, kos penerbangan, elaun, elaun hariannya, dan tempat tinggal semuanya disediakan secara sepenuh oleh kerajaan Malaysia dan satu program ini adalah satu program yang *expensive* ataupun yang tinggi biayanya kerana untuk seorang pelatih yang datang ke (kertas diselak) Malaysia untuk tempoh kursus ini dilaksanakan iaitu selama tempoh tiga bulan, kerajaan perlu membelanjakan lebih kurang *nam puluh* [60] hingga *seratus ribu* [100,000] seorang. Jadi, setiap kursus biasanya disertai antara *tiga puluh* [30] hingga *empat puluh* [40] orang peserta setiap tahun. Jadi program ini dilaksanakan setahun, setiap tahun sekali dalam untuk tempoh tiga bulan ini dan ada kalanya kalau diperlukan kita memanjangkan agar tempoh kursus ini kepada peserta Negara-negara tertentu yang mana kerajaan Malaysia mempunyai (kenderaan lalu) *interest* [minat] ataupun *apa ya interest* [minat] *kita panggil apa?* [Tuan Haji bertanya] yang mempunyai keperluan atau pun (kenderaan lalu) *interest* dalam sesuatu bidang di Negara-negara tersebut. Jadi contohnya, ada *satu-satu tahun* [satu tahun tertentu] *tu* [itu] saya *tak* [tidak] ingat peserta yang datang daripada Negara Timor Leste, yang

baru saja mencapai kemerdekaan, mereka *ni* [ini] seramai dua orang telah dibawa ke Malaysia di bawah program *MTCP* ini, dan dilanjutkan kursus kepada mereka *ni* [ini] sehingga lima bulan. Jadi orang lain *balik* [pulang] *lepas* [selepas] *tiga* [3] bulan balik, tapi *dia ni diorang* [mereka] berdua *ni* [ini] meneruskan latihan di Arkib Negara untuk tempoh dua bulan lagi dan setelah selesai mereka kembali ke Negara Timor Leste (kenderaan lalu) dan wujudkan arkib Negara Timor Leste yang wujud sampailah sekarang *ni* [ini]. Jadi, semasa menjawat jawatan selaku Ketua Cawangan Latihan juga, saya dikendaki untuk merancang latihan-latihan kerjaya untuk kakitangan-kakitangan arkib dan pegawai-pegawainya, dan ini meliputi kursus jangka pendek dan panjang baik di peringkat institusi dalam negeri juga di luar Negara. Jadi, (berdehem) sepanjang tempoh saya mengendalikan program yang berkait dengan latihan ini, boleh dikatakan saya diperlukan juga untuk pergi ke institusi-institusi lain di luar Negara untuk melihat kemudahan-kemudahan dan sebagainya dan ini membolehkan saya berada dalam banyak ataupun saya berada dalam banyak Negara-negara luar *ni* [ini], dan sesuatu yang saya rasa satu *free rich benefit* [kelebihan percuma yang bernilai] kepada (barang bergesel pada alat rakaman) saya yang bekerja di Arkib Negara tapi dibolehkan untuk berada banyak di banyak tempat di luar Negara. Jadi, pada penghujung tahun *dua ribu tiga* [2003], *tak* [tidak] salah saya, (kertas diselak) (akma mencelah) *dah* [sudah] lama *tak*

[tidak] ingat dah, *ye* [ya] penghujung sampai (kertas diselak) penghujung *dua ribu tiga* [2003], saya telah dinaikkan pangkat lagi dan kali ini *dimintak* [diminta] untuk menjawat jawatan sebagai (kenderaan lalu) Pengarah Pengurusan Perancangan dan Pembangunan Jabatan Arkib Negara dan apabila menjawat jawatan selaku Pengarah Pengurusan ini, maka tugas yang saya lakukan lebih melibatkan saya dalam urusan-urusan pengurusan jabatan. Jadi, sebagai Pengarah Pengurusan, saya bertanggungjawab untuk menentukan urusan pentadbiran dan juga urusan pembangunan jabatan Arkib Negara berjalan dengan lancar dan ini melibatkan antara lain pemantauan, penggunaan kewangan dan juga melihat kepada keperluan kakitangan. Umpamanya sebagai contoh, di bawah bajet ataupun di bawah pembiayaan pembangunan, kita tahu Malaysia dia ada *lima* [5] tahun, program *lima* [5] tahun, pembangunan *tu* [itu], jadi untuk setiap *lima* [5] tahun *ni* [ini], umpama contohnya *satu* [1] Rancangan Malaysia yang *kesembilan* [Ke-9], sewaktu saya kendalikan, Jabatan Arkib kalau saya tak salah diperuntukkan hampir *lima ratus* [500] juta lebih sebagai peruntukan untuk pembiayaan pembangunan bangunan-bangunan Arkib Negara di peringkat cawangan-cawangan. Jadi, dalam tempoh sebagai Pengarah Pengurusan, saya bertanggungjawab untuk melihat kepada pelaksanaan pembangunan, bangunan arkib (kenderaan lalu) cawangan arkib di negeri Sabah, dan juga di Pahang, serta juga aspek sedikit berkaitan dengan (kertas diselak) pembangunan di bangunan

arkib di Alor Star (angin kipas kuat dan berterusan) dan itu adalah satu (kertas diselak) tugas yang memerlukan saya memantau dan menentukan supaya pembiayaan perbelanjaan-perbelanjaan yang diberikan oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan betul dan sepenuhnya. Dan sebagai Pengarah Pengurusan pada waktu itu, saya seperti mana yang saya terangkan lebih melibatkan diri dalam aspek pengurusan dan jarang ataupun bukanlah kata tinggalkan langsung (kenderann lalu) tapi tidak lagi banyak saya bertugas dalam kerja-kerja yang melibatkan pengurusan rekod ataupun pentadbiran arkib. Saya lebih *dimintak* [diminta] untuk melaksanakan urusan-urusan pengurusan pentadbiran jabatan dan juga urusan berkaitan dengan kewangan jabatan secara keseluruhannya (kenderaan lalu). Dan saya bertugas sebagai Pengarah Pengurusan, Pembangunan dan Pentadbiran, Perancangan dan Pembangunan ini sehinggalah pada akhir tahun *dua ribu empat* [2004] (kenderaan lalu). Jadi, selepas itu (kenderaan lalu), saya dinaikkan pangkat lagi dan bermula daripada awal tahun *dua ribu lima* [2005] sehinggalah hujung (kertas diselak) tahun *dua ribu lima* [2005] tersebut saya telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Arkib Negara dan tugas saya sebagai Timbalan adalah membantu Ketua Pengarah dalam menguruskan Jabatan Arkib Negara secara keseluruhannya. Jadi, satu tugas yang berat kerana saya perlu sentiasa berada bersama dengan Ketua Pengarah untuk menentukan jabatan arkib berfungsi

sepenuhnya semua bidang-bidang yang sepatutnya dilaksanakan oleh jabatan. Dan sewaktu bertugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah inilah, saya didedahkan dalam aspek kerjaya pengurusan peringkat tertinggi kerana antara lain, saya perlu bertugas dengan berhadapan tokoh-tok ataupun menteri-menteri yang berhormat-yang berhormat menteri dan sebelum ini memang *takde* [tiada] pendedahan sedemikian. Jadi, bertugas dengan menteri ini maklumlah, kita perlu melaksanakan tugas kita berdasarkan pada garis panduan yang ada sebagai penjawat awam tetapi pada waktu yang sama perlu juga melihat akan keperluan, memenuhi kehendak atau pun perkara-perkara yang diminta dilakukan oleh orang-orang politik ni. Jadi, satu tugas yang perlu *check and balance* [periksa dan seimbang] *dekat situ* [di situ] dan itu merupakan pendedahan awal pada saya atau pun aspek pembelajaran untuk saya kerana pada awal tahun *dua ribu enam* [2006], saya telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Arkib Negara menggantikan Ketua Pengarah yang telah bersara. Jadi, tugas yang saya lakukan sewaktu sebagai Timbalan itu, banyak sebagai persediaan kepada saya untuk memikul sepenuhnya tugas-tugas yang berkait sebagai Ketua Jabatan. Jadi, sebagai Ketua Jabatan ini, pengalaman yang boleh saya berkongsi dekat sini ialah kalau sebelum itu sebagai seorang pegawai arkib biasa, sebagai Pegawai Ketua Cawangan atau pun Pengarah-Pengarah Urusan dan sebagainya, saya boleh bertugas dalam bentuk berkumpulan. Maknanya, kalau kita *tak* [tidak] jelas (kenderaan lalu) mengenai

sesuatu perkara *tu* [itu], kita boleh berkongsi dengan teman-teman yang lain dan sebagainya *tapi* [tetapi] apabila menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah, menjadi tanggungjawab kepada saya (kenderaan lalu) sendiri untuk menentukan apa yang saya lakukan dan saya putuskan adalah yang terbaik tanpa membolehkan saya untuk merujuk kepada teman-teman dan sebagainya. Jadi, dia memerlukan penelitian, dan apabila saya menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah *ni* [ini], barulah orang kata, saya, betul lah seperti mana yang orang kata, dalam ada (kenderaan lalu) *proverb* [perumpamaan], yang saya ingin berkongsi (kenderaan lalu) atau pun peribahasa inggeris yang mengatakan '*one is a lonely number*'. Maksudnya, one *tu* [itu] sayalah. One is a lonely number maknanya satu tu memang satu (kenderaan lalu) nombor yang kesunyian, (kenderaan lalu) *takda* [tiada] siapa yang saya fikir-fikir betullah *tu* [itu] maknanya bila kita saya selaku Ketua Jabatan maknanya kita keseorangan di atas. Jadi, dari *tu* [situ], memberi banyak penekanan kepada diri saya dan dalam keadaan yang berterusan, saya hanya dapat melaksanakan tugas saya sebagai Ketua Pengarah untuk tempoh *dua* [2] tahun dan pada penghujung tahun *dua ribu tujuh* [2007], saya melepaskan jawatan sebagai Ketua Pengarah atau pun lebih tepat saya bersara dan persaraan saya pada waktu itu adalah agak pre-mature atau pun orang kata sebelum matang kerana saya sebenarnya dibolehkan untuk bertugas untuk tempoh setahun lagi tetapi memandangkan pada waktu

itu kesihatan saya sudah terganggu, jadi saya memilih untuk bersara lebih awal dan Alhamdulillah sebelum bersara *tu* [itu], saya turut memberi buat persiapan membantu menentukan pengganti saya akan dapat terus melaksanakan kerja sebagai Ketua Pengarah dan tanpa sebarang halangan. Jadi, penghujung tahun *dua ribu tujuh* [2007], merupakan akhiran, pengakhiran kepada saya, kerja saya, kerjaya saya dalam perkhidmatan awam kerana bermulanya tarikh *satu* [1] Januari *dua kosong kosong lapan* [2008], saya bergelar sebagai pesara kerajaan. Jadi, itu secara (kenderaan lalu) rangkumannya kerjaya saya yang bermula daripada *satu* [1] Januari *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] *sampailah* [sehingga] penghujung Disember *dua kosong tujuh* [2007]. Satu tempoh yang panjang yang sepenuhnya melibatkan yang mana saya terlibat (kenderaan lalu) sebagai Pegawai Arkib, atau pun Pegawai dalam Jabatan Arkib Negara secara terus-menerus. Jadi, yang uniknyanya tentang Arkib Negara *ni* [ini], kami Jabatan Arkib sehingga sekarang adalah sebuah jabatan tertutup atau pun close service department ni, jadi *transfer* [pindahan] itu tidaklah ke mana-mana, hanya sekitar cawangan-cawangan di ibu pejabat atau pun di pejabat-pejabat cawangan Arkib Negara di negeri-negeri. Jadi, pengalaman yang saya perolehi, sebelum bertugas dalam semua cawangan-cawangan ini ialah mendatangkan kepuasan kepada diri saya dan saya merasa selesa dan tidak merasa tersilap langkah dalam memilih kerjaya sebagai Pegawai Arkib di dalam Jabatan Arkib Negara.

NAJ : **Ok baiklah Tuan Haji. Ketika Tuan Haji menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara dan juga Ketua Pengarah Arkib Negara, apakah cabaran yang terbesar pernah dihadapi oleh Tuan Haji ketika Tuan Haji menjawat dua (bunyi kenderaan lalu) jawatan terpenting dalam jabatan Arkib Negara?**

TH : Satu dua jawatan yang dimaksudkan tadi sebagai timbalan ketua pengarah dan sebagai ketua pengarah (kenderaan lalu) adalah saling bersangkutan sebenarnya (kenderaan lalu) kerana sebagai timbalan, saya perlu bersedia untuk mengambil alih tugas ketua pengarah pada bila-bila waktu dan sepertimana yang saya terangkan kalau sebelum ini tugas saya terus melibatkan saya dalam urusan yang berkait dengan bidang kearkiban atau pun dalam bidang pengurusan rekod tapi sebagai timbalan dan sebagai ketua pengarah, kita berurusan bukan *saje* [sahaja] dengan agensi kerajaan malahan turut terlibat dengan penglibatan saya dengan menteri-menteri, maknanya orang-orang yang berkait dalam bidang kerjaya politik. Jadi, pada saya cabaran yang paling besar yang saya hadapi ialah untuk melaksanakan tugas di jabatan yang berkait dengan fungsi jabatan dan di waktu yang sama memenuhi keperluan dan kehendak pegawai atau pun ketua-ketua politik kita, lebih tepat menteri, timbalan menteri dan sebagainya kerana (kenderaan lalu) sebagai menteri mereka kadang-

kadang, apabila menerajui kementerian *ni* [ini] kadang-kadang *tu* [itu], mereka ingin supaya prestasi kementerian *tu* [itu] diberikan penekanan dan kerja-kerja agensi menjadi *second priority* [keutamaan kedua] *tapi* [tetapi] kadang-kadang ini tidak boleh berlaku kerana dalam apa keadaan sekali pun, kerja agensi-agensi kita *tu* [itu] perlu kita laksanakan juga di samping pada waktu yang sama cuba memenuhi akan keperluan-keperluan daripada yang berhormat-yang berhormat menteri dan sebagainya. Jadi, sepanjang tempoh saya bertugas sebagai ketua pengarah dan juga sebagai timbalan ketua pengarah, itu antara cabaran-cabaran yang pertama iaitu mengimbangi keperluan agensi dengan keperluan dan juga kehendak daripada yang berhormat-yang berhormat menteri kerana kalau dalam aspek ini kita memang perlu menentukan supaya tugas kita ini adalah tugas yang mengikut garis panduan yang dibenarkan sewaktu kita sebagai penjawat (kertas diselak) awam. Jadi, segala (kertas diselak) kerjaya atau pun kerja-kerja yang bersangkutan perlulah kita laksana walaupun atas arahan yang berhormat menteri tapi perlu dilaksanakan dengan keadaan yang sebenarnya. Jadi itu, saya rasa cabaran saya yang paling besar dan lain-lain *tu* [itu] saya rasa, saya melihat bukan sebagai cabaran tapi lebih sebagai satu pendedahan. Bekerja dalam bukan sahaja untuk menentukan objektif agensi yang kita wakili (kenderaan lalu) tercapai tapi kita bekerja untuk menentukan objektif dan keperluan kementerian di mana kita naungi *tu* [itu] prestasinya

berjalan dengan lancar dan sempurna. Jadi, perkara-perkara lain *tu* [itu] yang cabaran saya rasa kebiasaannya yang mana-mana ketua jabatan akan lalui ialah diperlukan untuk berada bersama menteri boleh dikatakan setiap masa, jadi bermakna dalam keadaan sedemikian keluarga sudah menjadi *priority* [keutamaan] yang kedua. Jadi, kita perlu memberi *priority* [keutamaan] kepada kerjaya kita atau pun kerja yang kita laksanakan dan keperluan peribadi kita *tu* [itu] kita letakkan pada kategori kedua atau pun ketiga. Jadi, contohnya (meja diketuk) macam sepanjang tempoh saya sebagai timbalan ketua pengarah dan juga sebagai ketua pengarah, seperkara yang berlaku kepada diri saya adalah dalam contohnya sebagai bila menyambut sambutan aidilfitri. Saya *tak* [tidak] dapat *nak* [ingin] bersama dengan keluarga pada hari pertama. Jadi, diperlukan berada bersama dengan peringkat persekutuan. Jadi, apabila selepas itu seminggu lepas *tu* [itu] barulah kita kalau boleh nak bercuti berhari raya bersama keluarga dan sebagainya. Jadi, sesuatu yang sebelum *ni* [ini] saya tak pernah lalui tapi kita terpaksa berdepan dengan keadaan sedemikian apabila kita berada sebagai peneraju kepada agensi dan saya rasa pengalaman saya ini adalah persamaan dengan mana-mana ketua agensi yang ada saya rasa apabila mereka mula mendampingi yang berhormat menteri atau pun timbalan menteri masing-masing.

NAJ : Saya (cawan jatuh) rasa teruja mendengar cerita Tuan Haji dan saya ingin tahu lebih lanjut. Bolehkah (cawan diletakkan atas meja) Tuan Haji ceritakan apakah kriteria yang perlu ada pada

dalam sisi (batuk) seorang penjawat awam dalam jabatan arkib dalam proses kenaikan pangkat?

TH : (batuk) *ok* [baiklah] jadi, sepertimana yang saya jelaskan jabatan arkib Negara ini agak unik kerana berbeza dengan kebanyakan jabatan, arkib Negara seperti mana yang saya jelaskan adalah sebuah jabatan *close-service* [servis tertutup]. Jadi bila dalam keadaan *close-service* [servis tertutup], kita kemajuan diri *progress* [perkembangan] kita itu boleh dipantau oleh ketua-ketua kita, mereka mengetahui sama ada kita berprestasi atau pun tidak. Jadi, kita dalam keadaan sedemikian untuk memajukan diri, seorang yang berminat atau pun yang ingin melanjutkan kariernya dalam jabatan arkib seingat saya (kenderaan lalu) dan setahu saya lah, melalui pengalaman saya, perlu memajukan diri. Dengan erti kata, mendalami ilmu dengan secara peribadi melalui pembacaan atau pun kursus untuk mempertingkatkan kemahiran dalam bertugas kerana kerjaya sebagai pegawai arkib sebenarnya adalah kerjaya bersifat professional. Jadi, kemahiran yang kita ada *tu* [itu] adalah kemahiran yang diperolehi bukan dalam tempoh yang pendek *tapi* [tetapi] selama tempoh kita bekerja maka saban masa *tu* [itu] membantu kita untuk menimba lebih banyak pengalaman. Jadi dalam aspek ini, yang penting perlu ada kemahuan untuk memajukan diri sendiri iaitu dari segi menimba ilmu melalui pembacaan, kursus dan sebagainya. Dan keduanya, menanamkan semangat. Semangat untuk menyukai ataupun ada *interest* [minat] kepada kerjaya yang kita lakukan. Jadi kerjaya arkib Negara *ni* [ini] adalah satu kerjaya yang mana secara umum melibatkan kita dengan

urusan pengurusan rekod berhadapan dengan rekod-rekod lama dan dalam bidang penyelidikan pula perlu menyelidik banyak bahan dan sebagainya. Jadi satu kerja yang memerlukan penelitian dan kita perlu *serious* [fokus memberi komitmen] dalam kerja dan dalam aspek ini perlu ditanamkan semangat, minat (kenderaan lalu) *tu* [itu]. Minat itu *kena* [harus] ada. Yang keduanya, perlu fokus. Kita fokus pada kerja yang perlu pada kita *ni* [ini] kerana dia berbeza dengan kalau saya nak contohkan dengan kerjaya sebagai selain daripada pegawai arkib *ni* [ini], kerja langsung selesai setelah diberi tugas yang diberikan. *Tapi* [tetapi] dengan arkib *ni* [ini], dia berterusan berdasarkan daripada penyelidikan kata-kata penyelidikan projek. Katakan penyelidikan contoh, katakan mengenai projek (kenderaan lalu) atau pun urusan berkait dengan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tuntutan-tuntutan hak milik umpamanya hak milik yang kita ketahui berlaku tuntutan mengenai batu putih umpamanya. Jadi, memerlukan kita *serious* [komited] dan fokus dalam penyelidikan dan benda ini bukan sesuatu yang dilakukan *over night* [lewat satu malam] kadang-kadang itu berbulan-bulan terpaksa kita melaksanakan urusan penyelidikan ini dan *nak* [ingin] melakukan penyelidikan *ni* [ini] bukan lah sesuatu yang ada *guideline* [garis panduan] nya, kita sendiri yang perlu ada kemahiran kita untuk memeriksa dan mengesan bahan-bahan yang terdapat kadang-kadang *tu* [itu] bukan di Negara kita tapi di lain-lain tempat. Jadi, ini adalah perkara-perkara yang perlu ada kalau berminat untuk melaksana atau dalam kerjaya arkib negara. Dan mungkin satu perkara lagi yang

boleh saya sentuh ialah kita boleh bekerja secara bersendirian mahu pun dan juga boleh bekerja secara berkumpulan tanpa melihat kepada perbezaan jantina. Sesetengah orang *tu* [itu] kadang-kadang *tak* [tidak] boleh bekerja dengan---. Kalau dengan sebagai *laki-laki* [lelaki] bekerja dengan perempuan susah. Kadang-kadang perempuan pun ada juga yang *tak* [tidak] boleh nak kerja sepenuhnya dengan *laki-laki* [lelaki]. Jadi, *benda ni* [perkara ini] apabila di arkib, saya melihat perlu diketepikan dan sepanjang tempoh saya bekerja di jabatan arkib daripada peringkat awal, saya bekerja di bawah atau pun ketua pengarah yang kesemuanya perempuan dan saya dengan izin Allah, apabila dilantik sebagai ketua pengarah merupakan ketua pengarah di kalangan pegawai arkib sebagai professional yang pertama. Lelaki (kenderaan lalu) pertama yang dilantik sebagai ketua jabatan arkib Negara. Satu penghormatan kepada diri saya dan Alhamdulillah pendekatan yang telah saya lalui kerjasama dari semua pihak *tak* [tidak] kira jantina turut membantu saya bertanggungjawab sebagai ketua jabatan. Saya mendapat kerjasama daripada semua pihak, semua pegawai-pegawai saya dalam saya melaksanakan tugas saya. (tetamu memberi salam)

NAJ : Rakaman ini dihentikan pada jam *tiga setengah* [3.30] petang di ruang tamu rumah Tuan Haji Mohamad Zawawi Bin Abdullah di Chepor Indah bertarikh *empat November dua ribu tiga belas* [4/11/1213].

NAJ : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Kita

kembali (batuk) menyambung wawancara kami bersama Tuan Haji Mohamed Zawawi pada jam *tiga empat puluh* [3.40] petang di ruang tamu rumah Tuan Haji beralamat di nombor *tiga* [3], Jalan Chepor Indah *tiga puluh enam* [36], Chepor Indah, *tiga satu dua ratus* [31200] Chemor, Perak. Jadi kita sambungkan rakaman (kertas diselak) kita iaitu sebelum ini Tuan Haji membicarakan mengenai kerjaya Tuan Haji (kertas diselak) dari awal pembabitan Tuan Haji hinggalah menjadi Ketua Pengarah Arkib Negara. Jadi kita sambungkan mengenai kriteria tambahan yang perlu ada pada seseorang penjawat dalam meningkatkan prestasi seseorang penjawat awam di jabatan Arkib.

TH : (berdehem) *Ok* [baik] Bismillahirrahmannirrahim (berdehem). *Ok* [baik] (kenderaan lalu) jadi, selain daripada perkara yang saya *dah* [sudah] sebut tadi iaitu adanya minat dan fokus dalam melakukan kerja, aset yang penting juga yang perlu ada kepada sesiapa *saja* [sahaja] yang berminat untuk dalam kerjaya kearkiban ini ialah (angin kipas berbunyi berterusan) penguasaan yang baik dalam bidang sejarah dan kerana apabila kita bercakap tentang aktiviti yang dilaksanakan oleh arkib Negara boleh dikatakan tidak boleh lari daripada perkara yang bersangkutan dengan sejarah. Jadi (berdehem) dengan berlatar belakangkan sejarah yang kukuh, maka kita yang sesiapa sahaja yang bekerja di jabatan arkib akan dapat melaksanakan tugasnya dengan atas *platform* [landasan] yang teguh iaitu ada latar belakang sejarah *ni* [ini] dia akan dapat mengetahui apa yang

sebenarnya berlaku dan sebagainya. Jadi, kalau tanpa berlatar belakangkan (kenderaan lalu) sejarah ini agak sulit sebenarnya untuk seseorang melaksanakan urusan-urusan yang berkaitan dengan penyelidikan umpamanya kerana apabila kita melakukan penyelidikan *ni* [ini] dia memerlukan kita meneliti bahan-bahan yang lama ataupun bahan-bahan bersejarah *ni* [ini] dan kita kena tahu pertalian dia dengan bahan-bahan yang lain (kenderaan lalu). Jadi, ini satu aspek yang agak penting dan satu lagi yang jadi aset kepada kita kalau kita ada ialah kemahiran kita dalam pengetahuan dalam bidang penulisan atau pun perbualan dalam bahasa yang ketiga. Jadi, dalam erti kata apa yang saya maksudkan bahasa ketiga ini ialah selain daripada penguasaan bahasa ibunda kita atau pun bahasa melayu dan penguasaan dalam bahasa inggeris menjadi satu aset kepada kita kalau kita mengetahui satu bahasa yang lain umpamanya bahasa mandarin, perancis, belanda, portugis seumpamanya kerana bahan yang ada di arkib Negara ini bukan semata-mata terdapat dalam tulisan ataupun dalam bahasa melayu malahan terdapat banyak rekod-rekod yang ditulis dalam bahasa-bahasa luar dan seperkara yang unik yang agak menarik ialah kalau kita melihat kepada bahan-bahan sejarah mengenai Negara kita dalam rekod portugis umpamanya, keseluruhan bahan tersebut adalah ditulis dalam bahasa portugis yang bukan digunakan waktu sekarang. Dia (bahan sejarah di arkib) adalah satu bahasa portugis yang diamalkan pada kurun yang ke *lima belas* [15]. Jadi, dalam erti kata lain bahasa portugis lama. Jadi, kalau di

Malaysia ini, yang bercakap atau pun yang mengetahui tentang bahasa portugis lama ini ialah penduduk asal yang berketurunan portugis yang ada di Melaka. Jadi, untuk tujuan tersebut (kenderaan lalu) *kalau* [sekiranya] kita mempunyai kemahiran dalam bahasa-bahasa ini akan dapat membantu kita memahami sekurang-kurangnya apa yang tercatat di dalam bahan-bahan dokumen-dokumen yang ditulis dalam bahasa asing. Jadi, itu saya rasa perkara-perkara yang perlu ada kalau sekiranya kita berminat dan untuk menjawat jawatan dalam perkhidmatan arkib dan (angin kipas berterusan) satu lagi yang saya rasa yang perlu ada pada kita ialah sifat ingin tahu itu kena ada dan maksud saya di sini ialah bila kita ada perasaan ingin tahu kita dengan sendirinya (kenderaan lalu) tidak akan berpuas hati dengan apa yang ada pada satu-satu keadaan *tu* [itu] (kenderaan lalu) dan kita merasa *nak* [ingin] tahu lebih lagi dengan dari dengan cara kita terus melakukan penyelidikan-penyelidikan dan *tidak hentilah* [tiada henti] maknanya kita *takde* [tiada] *full stop* [kerja tiada henti] pada satu-satu kerja *tu* [itu] jadi ia akan berterusan dan sebagainya. Dan saya melihat satu imbuan yang boleh didapati daripada perkhidmatan arkib ini ialah akan timbul minat (kenderaan lalu) pada kita dengan sendirinya untuk membuat penulisan iaitu apabila kita berpengetahuan tentang penyelidikan yang telah kita lakukan ini maka dengan sendirinya bahan-bahan yang ada pada kita *tu* [itu] kalau kita berminat kita boleh menerbitkan penerbitan atau pun buku-buku. Jadi, unik tentang

perkara ini ialah bahan yang ada pada kita atau pun lebih tepat ada pada jabatab arkib *ni* [ini] adalah bahan-bahan yang menceritakan tentang sesuatu yang dilihat daripada kaca mata *orang-orang kita* [rakyat Malaysia]. Jadi, kalau kita *tengok* [lihat] pada sejarah umpamanya sejarah pada satu ketika dahulu, masa saya sekolah *dulu pun* [zaman dulu], apabila kita membaca tentang sejarah Negara kita, buku-buku yang ada pada waktu itu adalah buku yang ditulis oleh orang-orang yang bukan orang tempatan atau pun lebih tepat orang inggeris dan sebagainya. Jadi, mereka melihat peristiwa sejarah yang berlaku di Negara kita *ni* [ini] dari segi kaca mata dia sebagai seorang Tuan lah. Jadi apa sahaja yang dilakukan oleh anak tempatan pada mereka kalau berlawanan dengan kehendak atau pun polisi mereka, mereka sifatkan sebagai pelaku jahat kepada mereka. Jadi, *ni* [ini] yang berlaku dalam penulisan sejarah *dulu* [zaman dahulu] *kalau* [jika] kita baca tentang pemberontakan Datuk Maharaja Lela yang di Perak umpamanya atau pun pemberontakan penghulu Dol Said di Melaka. Jadi, *orang putih* [orang inggeris] menulis *ni* [ini], *bila* [apabila] berlaku pemberontakan *ni* [ini] *dia* [orang inggeris] *kata* [menyatakan] ini semua adalah penderhaka-penderhaka yang---. Jadi, ini perlu diubah sebab kita melihat (kenderaan lalu) dari kaca mata tempatan kita sebagai orang Negara *ni* [ini] kita *buat* [merangka] penulisan tentang peristiwa tersebut kita bukan beranggapan mereka *ni* [ini] sebagai penderhaka *tapi* [tetapi] lebih tepat sebagai orang yang memperjuangkan kemerdekaan. Jadi, ini adalah perkara-perkara

yang bonus kepada kita apabila kita mengetahui tentang sejarah *ni* [ini] dan bekerja *pulak* [pula] di arkib yang *memangnya* [pasti] adalah gedung kepada segala pengetahuan yang terdapat berkaitan dengan Negara kita *ni* [ini] daripada peringkat awal hinggalah sekarang kerana untuk maklumat ini yang pasti dengan saya adalah dalam simpanan arkib Negara, rekod, dokumen yang berkait dengan sejarah Negara kita paling awalnya adalah daripada kesultanan melayu Melaka yang dikumpul daripada pengurusan portugis, Belanda dan sebagainya sehinggalah ke sekarang. Jadi, bolehlah dibayangkan berapa banyak bahan yang terdapat dalam simpanan arkib Negara.

NAJ : Berbalik semula pada awal pembabitan Tuan Haji di Jabatan Arkib, saya ingin tahu lebih lanjut terutama sekali mengenai pendokumentasian lisan. Boleh Tuan Haji ceritakan lebih lanjut sebab setahu saya Tuan Haji ada (tetamu hadir dan Tuan Haji menjawab salam) melibatkan diri dalam pendokumentasian lisan.

TH : Jadi (noise) berbalik kepada satu aspek tugas yang berkait dengan arkib *ni* [ini] ialah apa yang kami sebut, pendokumentasian lisan atau pun oral history program. Jadi, program pendokumentasian lisan *ni* [ini] adalah satu program yang dipelopori oleh arkib Negara dan bermula semenjak tahun *tujuh puluh-an* [70-an] lagi dan saya berkesempatan turut bergiat pada peringkat awal di mana sewaktu bermulanya kerjaya saya di jabatan arkib pada tahun *tujuh puluh tujuh* [77] *tu* [itu], saya ditugaskan dalam cawangan yang

mengendalikan program ini. Jadi, antara tanggungjawab saya pada waktu itu selain daripada melaksanakan urusan rakaman lisan turut saya diperlukan untuk mengadakan garis panduan tentang tatacara pelaksanaan program ini dan bolehlah saya kongsikan sedikit sebanyak maklumat yang berkaitan ini kerana seingat saya pada tahun *sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977] itu, pertengahan kalau tak salah saya pertengahan tahun itu telah mengadakan satu bengkel program aktiviti pendokumentasian lisan ini yang turut disertai oleh pelbagai agensi (noise) dan salah satu yang saya ingat ialah USM, Universiti Sains Malaysia pada waktu itu juga daripada persatuan Sejarah Malaysia dan cawangan-cawangannya, Universiti Kebangsaan dan beberapa agensi lain. Jadi, di bawah bengkel ini garis panduan yang telah disediakan oleh pihak arkib Negara ini yang mana saya turut terlibat telah dibengkelkan dan keputusan atau pun salah satu daripada keputusan yang terbit daripada bengkel ini ialah menerima garis panduan tentang tatacara bagaimana untuk melakukan aktiviti dokumentasian lisan ini dan dianya diguna pakai oleh mana-mana agensi yang bergiat dalam program DL atau pun dokumentasian lisan ini. Jadi, antara yang boleh saya rumuskan (bunyi kenderaan lalu) kita lihat kepada beberapa aspek. Pertama, dari segi bahan atau pun peralatan bahan peralatan yang perlu digunakan. Kedua mengenai situasi tokoh itu sendiri. Ketiga, mengenai transkrip. Transkrip ataupun penulisan semula kepada perbualan yang telah dilakukan. Jadi, dalam melaksanakan program DL atau dokumentasian lisan ini,

rakaman perlu dilakukan dengan penggunaan peralatan yang lengkap dan lengkap dalam erti kata kalau di arkib *tu* [itu] sehingga sekarang masih lagi menggunakan peralatan Tandberg *ni* [ini] adalah pita rakaman yang terbaik dan *tape* [pita] *tu* [itu] sekarang *susah* [sukar] *nak dapat* [dapatkan] tapi masih ada sebenarnya, masih lagi---. Jadi, itu merupakan media terbaik untuk rakaman lisan dan tatacara yang lain yang telah dipersetujui dalam (bunyi kenderaan lalu) bengkel tersebut ialah bagaimana untuk kita nak menghubungi tokoh sebelum melakukan wawancara. Jadi, kalau diikutkan, pertama penyelidikan perlu dibuat tentang tokoh dan juga peristiwa yang berkait dengan tokoh. (bunyi kenderaan lalu) Ini sebagai untuk membolehkan kita untuk menyediakan satu set questionnaire ataupun (bunyi kenderaan lalu) soal selidik yang berkaitan dan selepas kita menyediakan benda ini, kita biasanya menghubungi tokoh dan perhubungan bolehlah dibuat melalui telefon, surat, dan sebagainya dan yang paling penting kita bertemu dengan dia tanpa *buat* [melakukan] rakaman. Maknanya, pertemuan pertama ini adalah pertemuan untuk memperkenalkan diri kita dahulu. Kita datang, kita kenalkan diri kita dan kita maklumkan kepada tokoh apa tujuan dan sebagainya. Dan kita *bagitahu* [beritahu] *die* [dia] apa yang kita hendak daripada dia. Jadi, biasanya bila kita *dah* [sudah] dapat persetujuan awal *ni* [ini] barulah akan dikemukakan surat persuratan yang memaklum kepada dia bila kita

nak [ingin] datang dan kalau diperlukan tokoh ini kalau dia *mintak* [minta] *questionnaire tu* [soal selidik itu] *apa benda* [perkara apa] yang ditanya maka kita akan beri pada dia. Pada situlah dia akan dapat membimbing diri dia untuk bercakap sebab kadang-kadang, *kalau takda* [jika tiada] bimbingan kepada topik *tu* [itu], dia akan *melalut la* [keluar daripada konteks landasan topik], dia akan bercakap kiri kanan atas bawah dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang bukan apa yang kita hendak, objektif kita tak tercapai (bunyi kenderaan lalu). *Ok* [baik], apabila dah ditentukan harinya, kita datang dan biasanya wawancara dengan tokoh *ni* [ini], pertama dilakukan di tempat yang serasi dengan tokoh itu. Kadang-kadang dia kebanyakan yang dibuat adalah di rumah sendiri ataupun di tempat-tempat yang dipilih oleh tokoh yang berlatar belakangkan keadaan yang aman (noise) pada dia lah. Ada semasa saya mengendalikan program ini, ada yang kami laksanakan di (bunyi kenderaan lalu) tepi sungai (ketawa kecil), ada yang di dalam bilik dia, macam-macamlah jadi *diorang* [mereka] ikut pada mood [situasi] dialah dan bila kita interview [temu ramah] seorang tokoh *tu* [itu], awalan kita *tu* [itu], kita *kena buat* [harus lakukan] sebagai permulaan pada kita *tu* [itu] kita sebagai penemuramah (noise) yang penting ialah kita bertemu ramah dengan tokoh ini dalam keadaan tujuannya adalah untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat daripada tokoh. Jadi, dalam erti kata bila kita bertanya soalan kepada beliau kepada tokoh *ni* [ini]

janganlah soalan yang bersifat (bunyi kertas diselak), kita *narrowkan* [sempitkan] kepada satu aspek sahaja. Jadi, bila kita buat macam *tu* [itu], maka tokoh akan bercakap mengenai perkara *tu je* [itu sahaja]. Jadi, soalan yang kita tanya mestilah bersifat sesuatu yang boleh membuka *dia punya pemikiran* [pemikiran tokoh] dan juga kepada peringatan dia. Jadi, biasanya kita akan buat soalan yang kalau boleh saya contohkan di sini, kita tahu tokoh itu katalah (bunyi kenderaan lalu) contohnya saya seorang yang pernah bertugas atau pun pernah menjadi seorang tentera di zaman Jepun. Jadi, bila saya bertanya soalan orang nak bertemuramah (bunyi kertas diselak) dengan saya *tu* [itu], dia *tak* [tidak] boleh tanya soalan kata “Adakah Tuan Haji pernah menjadi askar semasa perang dunia pertama?” Jadi, saya akan jawab *ye* [ya]. Saya pernah jadi askar. *Fullstop* [titik]. Habis dah, jadi kita (bunyi kenderaan lalu) bila saya nak bertanya, saya akan *bawak* [bawa] dia *macam ni* [seperti ini], saya akan *bagitahu* [beritahu] latar belakangkan kepada peristiwa itu dan peperangan dunia kedua adalah satu peristiwa yang berlaku di Negara kita dan akibatnya amat besar, melibatkan banyak pihak. Jadi, adakah Tuan Haji turut terlibat dalam peristiwa peperangan dunia kedua. Jadi, *bila macam tu* [apabila terjadi seperti itu], saya dengan sendiri saya boleh bercerita *macam-macam* [pelbagai] perkara yang--- jadi, *kalau* [jika] kita tanya macam yang saya contohkan tadi adakah Tuan Haji pernah menjadi askar, saya akan jawab itu *je* [sahaja] lah. *Tapi* [tetapi] kalau saya buka lagi luas, maka dengan sendirinya lebih banyak maklumat-maklumat yang akan dapat. Tujuan kita kena ingat, tujuan kita *buat* [lakukan]

rakaman lisan ialah untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat-maklumat yang ada pada tokoh *ni* [ini] dan sehinggalah selesai rakaman kita dilakukan dan rakaman ini bergantung kepada keadaan tokoh. Kadang-kadang tokoh yang bersemangat mungkin boleh bercakap *empat, lima, enam* [4,5,6] jam sekali. Kadang-kadang ada yang *kalau* [sekiranya] yang uzur kita perlu bagi kelapangan pada dia dan seingat saya, apabila saya sendiri melaksanakan urusan rakaman ini ada yang mengambil masa lebih daripada berminggu-minggu pun ada. Kita kena ikut mood [situasi] tokoh tadi. Dan, setelah selesai rakaman kita *ni* [ini] masih ada tugas yang perlu kita laksanakan iaitu kita perlu menyediakan (bunyi kenderaan lalu) transkrip kepada temubual kita *ni* [ini] jadi, dalam (bunyi pinggan mangkuk) kita nak *membuat* [melakukan] transkrip *ni* [ini], semua detail, semua perkara yang berlaku di dalam rakaman itu, *sekecik* [sekecil] mana detail [terperinci] itu, perlu kita catatkan dalam transkrip. Katakan contoh, katakan masa temubual dengan diri saya *ni* [ini], saya terbatuk, jadi *bila* [apabila] kita *buat* [melakukan] transkrip katakan dalam *dekat situ* [di situ] dalam *bracket* [kurungan] *kena* [harus] tulis situ. Batuk, terbatuk. *Ok* [baik] jadi, kalau misalan pula, waktu bercakap tiba-tiba telefon berbunyi. Jadi kita kena catat juga mengatakan telefon berbunyi. Jadi, *benda* [perkara] ini adalah *benda* [perkara] yang bersifat taktikal dan sebaik-baiknya (bunyi kertas diselak) setiap rakaman itu dilakukan oleh dua orang. Maksudnya, seorang membantu, seorang yang melakukan temubual. Dan seorang ini akan

menjaga teknikal dari segi aspek peralatanya, dan juga dari segi *nak tahu bila nak* [ingin tahu waktu ingin] berhenti, soalan mana yang nak dikemukakan dan sebagainya. Jadi, *benda ni* [perkara ini] perlu dilakukan secara dalam bahasa inggerisnya intender maknanya dua orang bekerjasama satu-satu projek. Jadi, bila kita dah selesai transkrip *ni* [ini], kebiasaannya kita menghantar satu draf transkrip *ni* [ini] kepada tokoh balik dan tokoh akan melihat *kalau* [sekiranya] *dia nak* [tokoh ingin] tambah dalam bentuk bertulis, dia akan setuju, dia akan bersetuju dan selepas itu sebagai pengakhiran, institusi yang mengendali program ini akan membuat satu surat (bunyi kenderaan lalu) perjanjian. Jadi, surat perjanjian ini *mesti* [harus] *datang* [ditunjukkan] selepas bukan sebelum. Jadi, maksudnya di sini, setelah selesai program wawancara, setelah selesai transkrip, barulah dikemukakan surat perjanjian yang antara lain membuat akuan tentang wawancara tersebut bila dilaksanakan dan oleh siapa dan sebagainya. Dan satu aspek penting, yang perlu ada dalam surat perjanjian ini ialah tentang penggunaan transkrip dan juga bahan rakaman. Adakah ianya dibenarkan untuk digunakan sebagai bahan penyelidikan ataupun diterbitkan dan sebagainya (bunyi kenderaan lalu). Dan di sini, perlu diingatkan, kebenaran (noise) untuk sama ada digunakan secara oleh penyelidik ataupun diterbitkan datangnya bukan daripada institusi *tapi* [tetapi] daripada tokoh yang kita temu bual sebab tokohnya yang akan menentukan sama ada bahan tersebut boleh digunakan, *dibukak* [dibuka] untuk tujuan penyelidikan ataupun

disimpan kerana kadang-kadang *bila* [apabila] kita temubual tokoh, kadang-kadang itu ada perkara-perkara yang dia bercakap *tu* [itu] bersifat sensitif, kaitan dengan orang lain umpamanya. Jadi, dia *tak nak* [tidak mahu] orang tu [itu] (bunyi kenderaan lalu) mendatangkan masalah untuk diri dia dan sebagainya. Jadi, dia akan berkata ‘*ok* [baik], transkrip saya *ni* [ini] hanya boleh dibuka untuk digunakan setelah sama ada dia mati ataupun tokoh yang seorang lagi tu *dah takde* [sudah tiada]’. Jadi, syarat-syarat ini adalah syarat-syarat yang diberikan oleh tokoh, bukan institusi yang menetapkan, jadi itu yang banyak saya *tengok* [lihat] yang ada kesilapan yang dilakukan dari situ. Dan bahan yang kalau sekiranya dirakam dalam bentuk *tape* [pita] seboleh-bolehnya *kalau* [jika] untuk tujuan simpanan yang lebih lama perlu dibuatkan dalam bentuk pendua atau pun salinan balik maknanya kita kena ada salinkan rakaman kita *ni* [ini] kepada satu *tape* [pita] yang lain bagi tujuan simpanan *back-up* [salinan lain untuk tujuan keselamatan pada masa hadapan]. Jadi, *kalau* [jika] dalam keadaan sekarang *ni* [ini], kalau rakaman dibuat dalam katalah menggunakan *tape* [pita], *dah* [sudah] ada *CD* [cakera padat], sekarang *ni* [ini] kita *dah* [sudah] ada *CD* [cakera padat], kita *dah* [sudah] ada *memory* [kad simpanan data] dan sebagainya salinkan *benda tu* [rakaman] dalam *benda ni* [medium simpanan audio rakaman] sebagai pendua ataupun sebagai salinan back-up dan transkrip *tu* [itu] adalah dalam bentuk (bunyi kenderaan lalu)

penulisan dan ini kalau dibenarkan oleh tokoh, maka dia *boleh* [dibenarkan] lah digunakan untuk apa-apa tujuan dan sebagainya. Jadi, itu secara umum perkara-perkara yang bersabit dalam soal mengadakan program dokumentasi lisan *ni* [ini] dan saya *boleh* [berupaya] bercakap dalam soal ini kerana penglibatan awal saya dalam bidang pendokumentasian lisan *ni* [ini] sewaktu dalam jabatan arkib dan saya berpengalaman menemuramah beberapa tokoh-tokoh terkenal di tanah air umpamanya dengan Allahyarham Tun Sa'adon Jubir, Allahyarham Siti Aishah Ghani, dengan Allahyarham Doktor Megat Khas, dengan Tan Sri Yuen Lek Lim, ramai lagilah kalau *nak* [ingin] diikutkan jadi sepanjang tempoh-tempoh pertama *tu* [itu], bila saya bertukar--- sebab ini adalah satu program yang dilakukan sepenuhnya oleh arkib Negara, jadi ramailah tokoh-tokoh yang telah saya wawancara dan seingat saya transkrip ini ada, memang ada transkrip dan rakaman-rakaman *tu* [itu] pun ada disimpan, masih disimpan di Arkib Negara.

NAJ : **Terima kasih atas perkongsian mengenai pendokumentasian lisan seperti yang kami lakukan sekarang ini. Jadi, saya ingin tahu adakah arkib ada menjalankan kerjasama baik dari luar Negara, di peringkat antarabangsa mahupun dalam Negara kita sendiri?**

TH : Jadi, sebagai sebuah agensi yang berkait rapat dengan aktiviti pemeliharaan bahan sejarah. Jadi, arkib Negara seingat saya dan setahu saya memang banyak melibatkan diri dengan persatuan-

persatuan di peringkat agensi ataupun peringkat sukarela. Jadi, peringkat negeri, jabatan arkib Negara sewaktu saya menjawat jawatan sebagai ketua pengarah, memang saya— terlibat dalam pelbagai jawatankuasa baik jawatankuasa kerja atau pun jawatankuasa pusat. Jadi, contohnya, kerjasama jabatan arkib dengan Persatuan Sejarah Malaysia, kerjasama jabatan arkib dengan pelbagai institusi pengajian tinggi, *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], *UM* [Universiti Malaya], saya rasa dengan *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *pun* [juga] ada dan dengan penglibatan juga dengan agensi-agensi seperti Muzium Negara dengan perpustakaan dan juga penglibatan dengan badan-badan kekeluargaan cina (bunyi kenderaan lalu). Jadi, *orang cina ni* [bangsa cina ini] kalau keluarga Lee dia mempunyai *clanship* [hubungan yang diisytihar] *die* [dia] dengan persatuan, jadi ini semua adalah dalam kerjasama yang sedia (bunyi kenderaan lalu) ada antara jabatan arkib Negara dengan pihak-pihak dalam Negara. Dan di peringkat luar Negara memang arkib Negara daripada (bunyi gelas mangkuk) mula saya menjawat jawatan di jabatan sehinggalah akhir sebagai ketua pengarah, memang terlibat dalam pelbagai pertubuhan luar Negara dan ada di antara pertubuhan-pertubuhan ini di mana jabatan arkib Negara sendiri adalah menjadi sekretariat ataupun setiausaha. Jadi, saya boleh jelaskan kerana secara peribadi (bunyi kertas diselak dan kenderaan lalu) memang saya terlibat secara langsung dengan pertubuhan-pertubuhan luar Negara ini dan ini kemungkinannya disebabkan latar belakang penguasaan bahasa sebab penting apabila kita berhadapan dengan organisasi luar

ini, yang pentingnya adalah dari segi penguasaan bahasa kita, maksud saya bahasa inggeris kerana apabila kita berhadapan dengan organisasi luar ini, kita diperlukan untuk membentangkan kertas kerja, menjawab soalan, mewakili jabatan dan sebagainya dalam semua aspek, jadi pendedahan ini memerlukan kita menguasai bahasa inggeris yang baik dan saya Alhamdulillah memang telah dipertanggungjawabkan dalam pelbagai aktiviti luar Negara ini dan seingat sayalah, penglibatan saya yang paling awal ialah dengan (bunyi kertas diselak) sebagai editor, ketua pengarang kepada satu penerbitan yang diterbitkan oleh South East Asia Regional Branch International Council on Archives ataupun singkatannya *SARBICA*. *SARBICA* ni S.A.R.B.I.C.A. Jadi, penglibatan saya dalam *SARBICA* ni, bermula daripada editor dinaikkan menjadi *treasurer* [bendahari] kemudian kepada secretariat general ataupun setiausaha agung. Jadi, *SARBICA* ini ialah persatuan arkib (bunyi kenderaan lalu) di negara-negara Asia Tenggara yang jadi cawangan kepada *ICA* ataupun International Council on Archives, singkatannya *ICA*. Jadi, *ICA* ini berpusat di Paris. Dan selain penglibatan saya di *SARBICA* ini juga mewakili jabatan arkib Negara dan juga negara untuk menduduki jawatankuasa di peringkat program *Commission* [membuat] dalam *ICA* ini, jadi, itu memerlukan saya setiap tahun pergi bermesyuarat di peringkat *ICA* ini diadakan di merata-rata tempat *tapi* [tetapi] kebanyakannya banyak dibuat di Paris. Jadi, selain daripada itu, arkib Negara turut terlibat dalam pertubuhan di bawah *UNESCO* [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] yang

dipanggil program Blue Shield ataupun program '*Shield apa ya?*' [Tuan Haji bertanya] (akma menjawab) Pelindung, *Shield*, biru, iaitu program yang diusahakan oleh *UNESCO* untuk memastikan rekod-rekod yang *mana-mana* [antara] Negara yang berperang contohnya dapat dipelihara. Jadi, contohnya apabila berlaku kejadian pihak Amerika berperang dengan Iraq tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991], jadi *UNESCO* telah menghantar pegawai-pegawai di bawah program *Blue Shield* program ini untuk memastikan rekod-rekod berharga di Iraq tidak dimusnahkan oleh tentera daripada kedua-dua belah pihak. Jadi, satu tugas yang merbahaya tetapi demi untuk memastikan rekod *on shield* [pelindung] secepat dapat dipelihara, maka *UNESCO* telah berusaha dan setakat ini rekod-rekod berharga ini telah dapat diselamatkan. Jadi, pihak kita, arkib memang terlibat dalam program ini dan di samping itu, semasa saya menjawat jawatan sebagai ketua pengarah, saya dilantik secara atas nama jabatan sebagai salah seorang daripada *Vice* [timbangan] presiden kepada *ICA tadi* [sebenar tadi] yang mana pada waktu itu Negara (bunyi kenderaan lalu) kita telah diberi penghormatan untuk mengendalikan *Convention* [persidangan] *ICA* pada tahun *dua ribu lapan* [2008]. Jadi, *Convention* [persidangan] *ICA* (bunyi kenderaan lalu) ini adalah satu persidangan yang besar dan *ICA* ini dianggotai oleh lebih kurang *seratus lapan puluh* [180] negara. Jadi, *Convention* ataupun persidangan ini diadakan sekali setiap empat tahun dan persidangan yang diadakan pada tahun *dua ribu lapan* [2008] di Kuala Lumpur adalah persidangan *ICA* yang pertama

diadakan di luar Eropah. Jadi, saya bertanggungjawab pada peringkat awal lagi dalam merancang dan menentukan program ini dapat dilaksanakan dan malangnya saya *tak* [tidak] dapat *nak* [ingin] mengikuti sebab pada akhir tahun *dua kosong tujuh* [2007] saya *dah* [sudah] bersara tetapi program itu terus dapat dilaksanakan dengan jayanya pada tahun *dua ribu lapan* [2008]. Jadi, itu dari segi komitmen yang ditunjukkan jabatan arkib baik dalam bentuk kerjasama dengan di dalam Negara dan juga di luar Negara. (bunyi kenderaan lalu)

TAMAT KASET 2 BAHAGIAN A

KASET 3 BAHAGIAN A: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ARKIB

NAJ : Berdasarkan dari perkongsian maklumat Tuan Haji sebentar tadi, saya tertarik untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pencapaian juga sumbangan Tuan Haji pada jabatan arkib sepanjang kerjaya Tuan Haji. Boleh Tuan Haji ceritakan lebih lanjut lagi?

TH : (bunyi kertas diselak) Saya berkhidmat di jabatan arkib Negara ini secara tidak putus daripada awalnya bermula tahun *tujuh puluh tujuh* [1977] hinggalah pada akhir tahun *dua ribu tujuh* [2007]. Satu jangka waktu yang lebih daripada *tiga puluh* [30] tahun (bunyi kenderaan lalu) dan sepanjang tempoh perkhidmatan saya itu saya merasakan sumbangan saya adalah sumbangan yang turut membangunkan jabatan arkib daripada sebuah agensi yang kecil, yang memainkan

peranan yang kecil sehinggalah kepada satu agensi yang *synonymous* [sinonim] dengan peredaran pengetahuan dalam Negara kita. Jadi, kalau pada waktu ini saya rasa bukanlah sesuatu yang janggal kalau ditanyakan tentang arkib Negara ini kepada pelajar-pelajar sekolah, kepada penuntut-penuntut, apa peranan, apa yang ada di arkib Negara. Saya rasa semua orang *dah* [sudah] *boleh tahu* [berupaya mengetahui] sebab apa sudah tugas yang dilakukan oleh arkib Negara selama ini *membukak* [membuka] mata kepada orang awam untuk melihat kepada kepentingan peranan yang dimainkan oleh jabatan arkib. Dan saya secara peribadinya merasa puas (bunyi kenderann lalu) hati kerana pertamanya, saya dapat bertugas dalam satu bidang yang ada kaitan dengan kelulusan (bunyi amaran daripada komputer riba) dan juga minat saya dan ini adalah suatu yang susah untuk dicapai oleh kebanyakan orang kerana *kalau* [jika] kita lihat kepada orang yang berlatar belakangkan sejarah ini, dia boleh mencapai fungsi dia itu ataupun kegunaan dia itu kalau dia terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan yang ada keperluan kepada pengetahuan dia dalam sejarah. Jadi, kemungkinan kalau saya tak bekerja dengan arkib, mungkin saya bersesuaian bertugas sebagai guru sejarah, ataupun sebagai orang yang terlibat dalam bidang pengziuman ataupun *library* [perpustakaan] *tapi* [tetapi] bekerja di arkib Negara ini beri kepuasan kepada saya kerana pengetahuan saya dalam bidang sejarah itu dapat digunakan sepenuhnya dan keduanya saya berpuas hati dalam keadaan bertugas (bunyi kenderaan lalu) mengikut

kebebasan diri saya sendiri. Sesuatu yang saya rasa tidak boleh dilakukan oleh mana-mana petugas dalam agensi lain. Jadi, kami yang bekerja dalam arkib Negara ini selagi kami berminat bekerja dalam bidang yang ditentukan itu maka kami boleh teruskan jadi maknanya tidak ada campur tangan, kita boleh tunjukkan memberikan kreativiti kita dalam pelaksanaan dan satu lagi yang saya rasa puas hatinya ialah melalui kerjaya saya di arkib ini adalah membolehkan saya untuk meluaskan pemandangan dan pengalaman dalam melihat perkara-perkara bersabit dengan ketamadunan manusia ini dari segi sejarah dan sebagainya, pelbagai tempat di seluruh dunia. Jadi, satu perkara yang bertugas pada waktu yang sama boleh juga melancong dalam keadaan melihat Negara-negara orang. Jadi saya rasa itu yang bolehkan untuk tempoh *tiga puluh* [30] tahun lebih di Arkib Negara, boleh dikatakan hampir tiga per empat daripada Negara di dunia ini *dah* [sudah](ketawa kecil) saya lawati dan *dah* [sudah] saya alami. Jadi, sesuatu yang menyeronokkan dan secara peribadi juga, bekerja dengan arkib negara ini adalah bekerja yang satu tugas yang saya buat dan dapat memenuhi kehendak arwah *bapak* [bapa] saya di mana arwah *bapak* [bapa] berpesan pada saya supaya mencari pekerjaan dalam bidang yang tidak mendatangkan musuh dengan orang lain dan suatu bidang yang tidak boleh yang mendatangkan_ pada diri sendiri. Jadi, dia berpesan saya faham maksudnya satu kerja yang tidak ada musuh, dan yang keduanya tidak terlibat dalam bidang yang bukan-bukan umpamanya, ambil rasuah dan sebagainya, sebab kerja dengan arkib ini *nak* [ingin] rasuah *ape* [apa] berhadapan dengan bahan-

bahan sejarah umpamanya. Jadi, pada saya sepanjang tempoh saya berkhidmat dengan jabatan arkib ini satu pengalaman hidup yang amat berharga (bunyi kenderaan lalu) dan mendatangkan kenangan yang abadi untuk saya lah baik yang buruk, yang baiknya merupakan satu pengalaman yang saya rasa tidak boleh saya dapat daripada tempat-tempat lain.

NAJ : Bagaimana pula (bunyi kenderaan lalu) dengan seperti yang kita sedia maklum, teknologi makin berkembang mengikut (bunyi kertas diselak) peredaran zaman. Jadi, saya ingin tanya bagaimana pihak institusi arkib mengaplikasikan (bunyi kenderaan lalu) teknologi yang sedia ada sekarang berbanding dengan dahulu?

TH : Jadi, (berdehem) dalam aspek pengurusan rekod, memang kita lihat akan peredaran masa ini membawa kepada teknologi. Kalau dahulu, dari sistem pengurusan rekod umpamanya, kebanyakan boleh dikatakan kesemua agensi kerajaan menggunakan bahan kertas sebagai media untuk pelaksanaan kerja harian dan juga merekodkan catatan tugas harian dan lama-kelamaan apabila dengan perubahan teknologi kita dapati sehinggalah sekarang tugas-tugas di jabatan-jabatan sudah mula menggunakan media lain yang lebih tepat penggunaan elektronik, (bunyi kenderaan lalu) komputer dan sebagainya. Dan saya sewaktu melihat dalam keadaan ini, saya melihat banyak transaksi agensi kerajaan menggunakan media bukan melalui persuratan, tetapi banyak melalui *e-mail* [surat elektronik]

melalui *video conference* [perbualan video atas talian] dan sebagainya. Jadi ini adalah suatu yang pada hemat saya adalah suatu yang tidak boleh tidak, kita kena harung. Tetapi pada waktu yang sama kita perlu ingat dalam apa keadaan sekali pun media penulisan ini adalah suatu media yang bersifat kekal kalau dibandingkan dengan media elektronik. Kekal dalam erti kata kalau kita merujuk kepada bahan yang contohnya *kalau* [jika] bahan yang terdapat di arkib Negara, bahan sejarah yang ada di dalam bentuk penulisan ini, ada tersimpan yang wujudnya semenjak zaman kesultanan Melaka lagi. Jadi kalau sehingga sekarang ini maknanya sudah hampir *tujuh ratus* [700] tahun lebih tapi masih boleh dibaca dan masih boleh dicopy atau pun disalin dan boleh dicapai dengan mudah oleh penyelidik-penyelidik atau pun pengguna-pengguna. Berbeza dengan penggunaan media elektronik, dia adalah satu media yang berkembang dan sering bertukar-tukar. Jadi, dalam aspek (bunyi kenderaan lalu) ini saya bagi contoh tentang penggunaan (bunyi kaca pinggan mangkuk) media penyimpanan melalui elektronik (bunyi kenderaan lalu) ini kita lihat bermula dengan pita rakaman kemudian berubah kepada *floppy disk* [cakera liut] kemudian kepada disket kemudian berubah kepada *CD* [cakera keras] kemudian daripada *CD* [cakera keras] dah berubah kepada yang terkininya kepada memory [simpanan]. Jadi, penggunaan media ini adalah sesuatu yang dibuat mengikut peredaran dan yang sedihnya *nak* [ingin] menggunakan bahan ini kita perlu ada *hardware* [perkakasan komputer] nya

contohnya kalau rekod kita dalam pita rakaman jadi *kalau* [jika] kita *nak* [ingin] *dengar balik* [mendengar semula] pita rakaman ini kita *kena* [harus] ada alat perakam. Jadi, alat perakam ini, sekarang ini pada tahun *dua ribu tiga belas* [2013] ini, maksud saya *kalau* [jika] pergi kedai mana-mana pun dah *takde* [tiada] jual. Jadi, bayangkanlah dalam keadaan apa akan jadi dalam masa-masa yang akan datang lagi. *Benda* [barang] *ni* [ini] dia akan disimpan tapi malangnya *tak* [tidak] boleh dibaca. Sebab apa? Kebanyakan daripada amalan kita ialah kita menyimpan hasil output dia tapi hardware dia, daripada peralatan dia ini jarang kita akan simpan jadi maknanya kalau rosak kita akan buang. Jadi, dari situ kita *tengok* [lihat] perbandingan dengan jelas kalau dalam bentuk penulisan *ni* [ini] selama mana sekali pun *kalau* [jika] *dia* [bahan arkib] nya berharga, dia akan disimpan sampai bila-bila. *Kalau* [jika] dalam bentuk media elektronik ini, *dia* [bahan elektronik] boleh disimpan tapi jangka hayatnya adalah terhadap umpamanya *mikrofilem* [bahan salinan yang digunakan arkib]. *Mikrofilem* [bahan salinan yang digunakan arkib] mempunyai hayatnya *dua puluh lima* [25] tahun. Selepas *dua puluh lima* [25] tahun, dia akan pudar dan *kalau* [jika] kita *tengok* [lihat] pada gambar berwarna contohnya, *kalau* [jika] kita ambil gambar berwarna, kita ambil tahun ini, tunggulah apa akan jadi pada *lima* [5] tahun yang akan datang. Dia *dah* [sudah] mula, akan mula pudar dan sebagainya.

Jadi itu *effect* [kesan] kepada bahan kimia dan sebagainya. Jadi di situ melihat kepada kelebihan bahan— jadi, dalam keadaan ini jabatan arkib Negara terus memberi penekanan pada pemeliharaan bahan bertulis tetapi pada waktu yang sama sebagai agensi yang menguruskan rekod-rekod *ni* [ini] *dia* [jabatan arkib] terpaksa ikut kepada peredaran zaman, jadi dalam aspek ini sebelum saya menjawat jawatan lagi sebelum menjadi ketua pengarah arkib lagi telah wujud satu pengurusan atau pun satu bahagian yang mengendalikan pengurusan rekod elektronik di arkib Negara jadi para pegawai dihantar untuk berlatih dalam bidang ini dan rekod-rekod elektronik yang penting dan sebagainya dipindahkan ke jabatan arkib dan disimpan bukan sahaja sekadar rekodnya tetapi turut dipindahkan alat untuk membaca ataupun melihat kembali media yang telah *itu tadi* [dipindahkan sebelumnya]. Jadi, *kalau* [jika] kita *tengok* [lihat] *kat* [di] arkib *tu* [itu], *kalau* [jika] satu ketika *dulu* [dahulu] jabatan kerajaan menggunakan pita komputer yang sebesar *diameter* [ukur lilit] nya lebih kurang dalam dua kaki sebesar piring. Jadi, *kalau* [jika] itu adalah komputer yang paling awal, jadi alat itu *dah* [sudah] *takde dah* [sudah tiada]tapi *kalau* [jika] pergi *dekat* [di] arkib masih ada lagi sebab apa, *benda* [bahan arkib yang bernilai] itu perlu nak dibaca, perlu menggunakan alat tersebut. Jadi, kemudahan itu adalah kemudahan yang disediakan oleh arkib dan untuk dalam waktu yang sama *ni* [ini] untuk memastikan bahan bertulis *ni* [ini] (bunyi angin kipas) terpelihara sehingga bila-bila jadi di samping ianya bahan bertulis tadi disimpan dengan keadaan baik, pihak arkib turut

melaksanakan program membuat salinan digital. Jadi, *digitize* [digital] kan rekod-rekod *ni* [ini] dan disimpan dalam bentuk elektronik. Jadi dalam aspek ini (seseorang bersebang) (bunyi kenderaan lalu) ianya adalah sebagai satu yang dibuat untuk memenuhi kehendak penyelidik sekarang *ni* [ini]. *Kalau* [jika] dahulu, penyelidik kebanyakannya lebih gemar *datang* [kunjung] ke arkib untuk melakukan penyelidikan *tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] mungkin disebabkan oleh kesuntukan waktu dan juga dari segi jarak masa dan juga tempat, pihak arkib perlu berfikir untuk membawa bahan-bahan ini kepada *public* [awam] dengan cara lain. Maka, salah satu pendekatan yang telah dibuat ialah (bunyi kertas diselak) dengan mewujudkan *website* [laman sesawang] arkib Negara dan dalam *website* [laman sesawang] arkib *ni* [ini] dimasukkan segala maklumat berkaitan dengan jabatan dan juga bahan-bahan yang terdapat---. Jadi, seingat sayalah, satu contohnya ialah bahan berkaitan tentang gambar-gambar sejarah yang ada dalam simpanan arkib Negara jadi kalau *nak* [ingin] *tengok* [lihat] gambar-gambar *ni* [ini], *tak* [tidak] perlu *pergi* [cari] *dekat* [di] arkib, *pergi kat website* [cari pada laman sesawang], klik kepada gambar bersejarah akan keluarlah semua gambar-gambar bersejarah yang ada di jabatan arkib dan kita boleh membuat salinan, *direct* [terus] kepada gambar-gambar tersebut. Jadi, itu adalah satu pendekatan yang bersifat yang kami panggilkan sebagai (bunyi kenderaan lalu) memasyarakatkan arkib. Maksudnya membawa arkib kepada *public* [awam] tetapi dalam apa keadaan

sekali pun pemeliharaan rekod-rekod bertulis *ni* [ini] masih lagi merupakan *priority* [keutamaan] yang utama yang dilaksanakan oleh arkib.

NAJ : Baiklah, rakaman akan diberhentikan buat sementara pada jam *empat tiga puluh* [4.30] petang iaitu bertarikh *empat November dua ribu sebelas* [4 November 2013] di ruang tamu rumah Tuan Haji.

TAMAT KASET 3 BAHAGIAN A

KASET 3 BAHAGIAN B: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN TOKOH, PENDAPAT UMUM

NAJ : Assalammualaikumwarahmatullahhiwabarakatu, rakaman yang *keempat* [4] ini bersambung selepas rakaman yang *ketiga* [3] pada jam *lima tiga puluh* [5.30] petang bertarikh *empat November dua ribu tiga belas* [4/11/2013] di ruang tamu Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah di alamat nombor *tiga* [3] Jalan Chepor Indah *tiga puluh enam* [36] Chepor Indah, Chemor Perak. Jadi rakaman yang sebelumnya Tuan Haji membicarakan mengenai teknologi yang diaplikasikan di institusi arkib (sambil gangguan bunyi kenderaan). Jadi berbalik kepada soalan saya yang sebelum ini mengenai pencapaian dan sumbangan Tuan Haji yang banyak sekali yang Tuan Haji yang Tuan Haji kongsi, jadi saya ingin menanyakan anugerah yang dianugerahkan kepada Tuan Haji jadi boleh Tuan Haji kongsi anugerah-

anugerah yang diterima Tuan Haji?

TH : Bismillahirrahmannirahim, dari segi penganugerah anugerah-anugerah ini saya secara peribadi melihat itu bukan keutamaan dalam tempoh sepanjang saya bertugas di arkib walaubagaimanapun, kalau dilihat secara penerimaan anugerah bintang, semasa saya berkhidmat di negeri Melaka sebagai Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, saya dianugerahkan *dua* [2] bintang kebesaran iaitu awalnya Pingat Jasa Kebaktian pada tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] diikuti dengan Bintang Khidmat Terpuji atau BKT pada tahun tahun *sembilan belas sembilan puluh lima* [1995] dan pada tahun *dua ribu lima* [2005] pula menerima Anugerah Peringkat Persekutuan Bintang Kesatria Mangku Negara atau KMN dan di peringkat jabatan saya turut dianugerahkan keatas kecermelangan Pencalonan Kehormatan Cemerlang tahun *dua ribu empat* [2004], tetapi secara peribadi pada saya pengiktirafan kepada tugas yang saya lakukan saya melihatkan dalam bentuk perkara-perkara seperti ini tetapi lebih kepada saya dalam bentuk kenaikan pangkat (bunyi kenderaan lalu) yang diberikan kepada saya secara dalam tempoh yang singkat daripada seorang pegawai biasa menjadi seorang ketua pengarah dalam tempoh yang cepat dan melangkaui beberapa-beberapa orang yang lebih *senior* [berpengalaman] daripada saya. Jadi itu memandangkan sebagai *satu* [1] pengiktirafan kepada cara perlaksanaan tugas saya kepada tugas dan sumbanagan kepada jabatan dan negara, dan saya juga melihat pengiktirafan saya ini dari

segi apa yang saya laksanakan sepanjang tempoh itu diterima oleh masyarakat dan digunakan pula oleh orang ramai, jadi itu mendatangkan satu kepuasan kepada diri saya, memanglah orang kata apa yang lebih penting kepada kita ialah kepuasan, kepuasan pada diri itu suatu yang kita terima sebagai pengiktirafan daripada orang anugerah kepada kita. Jadi saya sebagai rumusannya kepada saya, saya tidak mengharapkan pengiktirafan dalam bentuk ini sepanjang *karier* [kerjaya] saya jadi memadai dengan apa yang telah saya terima itu sebagai *satu* [1] yang dalam keupayaan saya sebenarnya.

NAJ : Terima kasih Tuan Haji, jadi saya ingin menanyakan pendapat Tuan Haji mengenai dokumen-dokumen yang berkaitan Tanah Melayu, dan juga Malaysia yang masih lagi berada di luar negara, jadi saya ingin menanyakan pendapat Tuan Haji bagaimanakan kita mendapatkan semula dokumen-dokumen tersebut di luar Negara.

TH : Jadi dari segi aspek dokumen ataupun bahan yang berkait dengan negara kita yang terdapat di luar negara adalah banyak dan antaranya terdapat koleksi yang begitu banyak di London dan beberapa bandar-bandar lain di United Kingdom, begitu juga di Belanda, di China, di Jepun, di Amerika Syarikat, di Perancis banyak bahan-bahan kita berada disana, seperkara yang menarik tentang bahan ini sebenarnya perlu yang kita tahu bahawa bahan itu berkait dengan sejarah negara kita, tetapi pada waktu yang sama bahan-bahan ini adalah bahan-bahan yang berkait dengan aktiviti negara-negara tersebut semasa mereka melaksanakan sesuatu urusan di negara kita, umpamanya

Kerajaan Inggeris, British suatu ketika dahulu mereka adalah penjajah kepada negara kita, jadi banyak rekod-rekod mengenai negara kita ini yang diwujudkan zaman itu yang terdapat di England, di India dan sebagainya, tetapi kita *tak* [tidak] dapat nak ambil balik rekod-rekod itu kerana rekod-rekod itu kerana rekod itu adalah rekod mengenai aktiviti mereka juga aktiviti mereka jadi apa yang dapat kita laksanakan melalui persetujuan (bunyi kenderaan lalu) bersama dengan beberapa buah negara-negara dan semasa saya menjadi Ketua Pengarah *pun* [juga] saya *dah* [sudah] tentukan ini sebagai projek yang dilaksanakan secara tahunan, iaitu kita mendapatkan balik bahan-bahan tersebut dalam bentuk salinan maksud saya disini sama ada dalam bentuk salinan *microfilm* [mikro filem], *microfiche* [bahan salinan arkib] ataupun media lain yang mana bahan-bahan ini adalah bahan yang sama seperti yang asal yang terdapat di negara tersebut, bahan yang asal terdapat di London umpamanya tapi kita dapat salinan dalam bentuk salinan-salinan *microfiche* [bahan salinan arkib], *microfilm* [mikro filem], dan sebagainya dan bahan ini boleh telah disimpan di Arkib Negara dan satu bahan yang menarik seingat saya telah kita perolehi ialah bahan yang berkaitan dengan pengembaraan filem yang dilakukan oleh kru daripada Negara Jepun sewaktu tentera mereka menyerang Malaya pada tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991]. Jadi melalui filem yang kita telah rakam tersebut kita dapat melihat peristiwa bagaimana peperangan itu

berlaku pada *satu* [1] tempat ke *satu* [1] tempat dan kita juga dapat melihat keadaan bagaimana bandar masyarakat yang ada pada waktu itu, cara hidup masyarakat, kenderaan-kenderaanya, maklumat-maklumat yang ada pada filem tersebut jadi filem ini adalah filem yang berharga dan Kerajaan Malaysia melalui jabatan Arkib Negara telah berjaya mendapatkan film ini daripada Jepun pada harga yang amat tinggi dan ia dapat digunakan sebagai bahan tambahan kepada sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu, jadi itu merupakan salah satu cara bagaimana kita berusaha mendapatkan kembali bahan-bahan yang ada dinegara tersebut dan ada juga perjanjian yang kita buat dengan Institusi Arkib di negara lain itu yang mana perjanjian ini meliputi salinan bahan-bahan yang ada di dalam simpanan Arkib Negara yang berkaitan dengan negara tersebut kita buat salinan kita bagi pada dia dan sebagai balasan dia membuat salinan kepada rekod berkaitan dengan Malaysia yang berada di simpanan dia serahkan kepada kita, ini *tak* [tidak] salah saya salah *satu* [1] institusi yang kita buat dengan Indonesia melalui Arkib Indonesia, Arkib Indonesia dan Arkib Malaysia ada kerjasama pada ketika itu untuk mengeluarkan salinan *kedua* [2] belah pihak, jadi dia dapat kita punya dan kita dapat yang dia punya (bunyi angin). Jadi itulah antara usaha-usaha yang dapat kita laksanakan untuk mendapatkan bahan-bahan mengenai sejarah negara kita ini yang terdapat di luar negara, ada juga yang dapat kita beli maksudnya ada orang-orang perseorangan ataupun institusi-institusi yang menjual bahan tersebut pada kita dan dari segi ini kita mendapat dana daripada kerajaan Malaysia untuk membeli

bahan-bahan ini secara pukal bermakna kita ambil terus dapat kepada kita dan usaha ini bukan sahaja melibatkan bahan daripada luar Negara termasuk bahan-bahan yang ada ditangan perseorangan di negara kita sendiri ada contohnya yang saya masih ingat ada seorang pengumpul poskad lama di Pulau Pinang yang mengumpul hampir *tiga ratus* [300] ke *empat ratus* [400] keping postkad mengenai tanah melayu daripada zaman tahun *seribu sembilan ratus* [1900] hingalah yang kepada yang sebelum perang jadi bahan ini telah dijual pada arkib saya (bunyi kenderaan lalu) dan kalau tidak silap saya kita *dah* [sudah] beli pada orang ini pada harga hampir *satu juta* [RM1000000], ini adalah usaha yang kita dapat buat melalui sama ada salinan balik ataupun kita beli ataupun kita pinjam dulu dan kemudiannya kita buat salinan disini dan pulang balik sebagainya. Tapi *nak* [hendak] dapat yang asal itu balik kepada kita adalah sesuatu yang mustahil, memang *tak* [tidak] dapat diberikan melainkan kalau pihak itu dia *nak* [hendak] jual, *so* [jadi] kalau nak jual itu kita berusaha untuk beli, jadi dalam usaha ini aspek ini setahu saya bukan sahaja Jabatan Arkib yang melaksanakan turut melaksanakan pembelian bahan ini ialah Jabatan Muzium dan Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia jadi satu usaha bersama.

NAJ : Selain itu saya juga tertarik dengan kes-kes yang berlaku pada kebelakangan ini seperti kes perebutan Pulau Batu Putih di Singapura, dan juga kes-kes lain seperti di Lahat Datu dan juga kes di Indonesia. Boleh Tuan Haji ceritakan mengenai kes-kes ini berkait dengan Institusi Arkib?

TH : Ini merupakan tugas khas yang dilaksanakan dalam Jabatan Arkib dalam membantu kerajaan Malaysia mendapatkan bahan bukti mengenai tuntutan bertindih antara negara kita dengan negara persekitaran terutama dengan Indonesia, Singapura, Philipina dan sebagainya, jadi yang kita termaklum adalah kepada tuntutan bertindih Pulau Batu Putih antara Malaysia dengan Singapura, kemudian tuntutan Pulau Simpanan dan Lingitan antara Malaysia dan kerajaan Indonesia jadi dalam kedua-dua hal ini (bunyi deringan telefon bimbit) pihak Jabatan Arkib Negara membantu dari segi melakukan dari segi penyelidikan, jadi penyelidikan yang dilakukan ini penyelidikan yang amat tererinci baik daripada sumber-sumber dalam negara begitu juga daripada sumber-sumber luar negara, jadi termaklum daripada keputusan ini Pulau Batu Putih akhirnya diputuskan adalah kepunyaan Singapura dan sebahagian kecil daripada pulau ini diserahkan kepada Malaysia, jadi dalam aspek ini sebenarnya berbeza dengan tuntutan Malaysia terhadap Pulau Lingitan Simpadan dengan Indonesia keputusannya Mahkamah Keadilan Dunia di The Head Belanda telah memutuskan kedua-dua pulau ini kepunyaan Malaysia dan bukan Indonesia. Jadi perbezaan disini ialah berbalik kepada soal semasa kita, *sapa* [siapa] yang menjajah negara kita. Jadi kalau dibandingkan Singapura dan Indonesia. Indonesia adalah dibawah Jajahan Belanda, dan Singapura adalah sama seperti kita adalah dibawah Jajahan Inggeris. Jadi dalam

aspek bersama Malaysia dan Singapura ini kita mempunyai bahan yang ada persamaan, jadi kerana kita bertuankan yang sama satu ketika dahulu, orang putih menulis jadi aset serta pencapaian boleh didapati kedua belah pihak, baik Malaysia, baik Malaysia ataupun Singapura, jadi pada akhir perbicaraan itu, didapati berasaskan pada rekod yang ada simpanan Singapura adalah lebih lengkap daripada apa yang ada pada kita dan maka keputusannya, akhirnya, secara umumnya pulau Batu Putih diserahkan kepada Singapura, jadi kalau kita lihat keadaanya mengapa jadi kemudian ialah keputusan itu dibuat berdasarkan kepengunaan, *maintenance* [penyelenggaraan] dan siapa yang menggunakan pulau yang berkaitan. Jadi macam pulau Batu Putih itu, ada rumah api yang dibina oleh pihak Inggeris lama dahulu, jadi Singapura dari zaman dahulu sampailah sekarang ini dia *maintenance* [menyelenggara] pulau tersebut. Walaupun itu adalah sebuah pulau yang berdekatan dengan Johor jadi kita tahu ialah hak yang dituntut bawah Johor, tapi disebabkan keputusan Mahkamah Dunia mengatakan bahawa atas dasar penggunaan, yang *maintain* [penyelenggaraan] semua itu adalah Singapura, dan maka telah diserahkan kepada pihak Singapura, dan berbeza dengan kita dan Indonesia pula, jadi bahan rekod yang ada di Malaysia adalah lebih lengkap berbanding dengan apa yang Indonesia pula. Jadi atas dasar bahan yang lengkap inilah pihak Mahkamah Dunia The Head Belanda memutuskan Pulau Sipadan Lingitan atas dasar *diapply* [gunakan]

yang sama iaitu kegunaan *maintaenance* [penyelenggaraan] dan sebagainya pulau ini pada zaman dulu lagi dah memang kerajaan orang putih di Sabah kalau nak cerita dengan lebih *detail* [tepat] puncanya daripada rekod kejadian kecurian telur penyu yang mana nelayan ini telah ditangkap dan diadili dengan menggunakan undang-undang Inggeris, jadi kalau sekiranya pada waktu itu sudah digunakan undang-undang Inggeris bermakna pulau ini adalah pulau dibawah penguasaan Inggeris. Jadi berdasarkan pada itu secara umumnya atas dasar itu, atas sebab-sebab yang lain Pulau Sipadan Ligitan *ni* [ini] diserahkan kepada Malaysia. Jadi itu sebab memelihara bahan-bahan lama amat penting kerana kita tidak boleh melihat pada luaran dia *tapi* [tetapi] apa yang penting adalah isi kandungan dia adalah itulah yang akan memberi faedah kepada kita. Dalam keadaan kedua-dua kes ini kita bernasib baik rekod itu berada dengan kita, kalau dalam makhamah *ni* [ini] kalau kita *nak* [hendak] tuntutan apa-apa pun mesti bersandarkan kepada bahan bukti. Bahan bukti kita adalah pada rekod lama, jadi apabila rekod lama itu diajukan memang ada dalam itu dinyatakan hak milik itu ada pada kita. Maka dengan sendirinya kes itu dimenangi oleh pihak kita. Jadi itu dua perkara yang secara *indirect* [tidak langsung] ataupun secara tidak langsung saya terlibat iaitu dari segi pencarian bahan-bahan maklumat dan sebagainya dan ini merupakan usaha yang berpanjangan kami berkerja siang dan malam untuk mendapatkan bahan-bahan ini dan kerajaan telah memberi perutukan tanpa batas tanpa *sealing* [batas] maksudnya dari segi kami pasukan-pasukan penyelidik arkib ni membuat

penyelidikan di merata dunia untuk semata-mata mendapatkan bahan-bahan tersebut jadi merata *diaorang* [mereka] pergi, ada yang pergi ke London, ada yang pergi ke Belanda, macam-macam lagi, jadi dalam aspek ini yang menguntungkan ialah selain daripada ada diantara pegawai-pegawai arkib ini menguasai bahasa ketiga dan turut sama ada jalinan peribadi antara mereka, mereka mengenali pegawai disana, jadi ini adalah jalinan *network* [jalinan] yang sedia ada *ni* [ini] *la* [juga] yang banyak membantu dalam kami melaksanakan tugas dalam aspek penyelidikan *ni* [ini], *satu* [1] usaha yang memang terperinci dan mengambil masa yang lama dan Alhamdulillah dengan izin tuhan kita berjaya ada yang kita *tak* [tidak] berapa berjaya dan saya faham banyak lagi kejadian ataupun kes-kes yang melibatkan tuntutan hak milik bertindih ini dan ini *tak* [tidak] boleh la saya dedahkan kerana masih pada penyelidikan dan sebagainya dan harapan saya lah pihak-pihak yang bertanggungjawab umpamanya pihak arkib dan sebagainya *ni* [ini] akan terus berusaha untuk mendapatkan bahan-bahan ini di mana *saja* [sahaja] untuk memastikan tuntutan-tuntutan bertindih ini memihak kepada kita akhirnya *Inshaa Allah* [dengan izin Allah](diiringi bunyi angin).

NAJ : Baiklah sebelum saya mengakhiri sesi temu ramah pada hari ini, saya ingin menanyakan satu soalan terakhir kepada Tuan Haji saya sendiri juga kurang jelas dengan peranan arkib dimata masyarakat. Saya sendiri juga tidak tahu apa itu arkib dan kurangnya pengetahuan masyarakat pada Institusi Arkib, jadi

boleh Tuan Haji berikan pandangan apakah langkah yang diambil oleh Institusi Arkib dalam memasyarakatkan Institusi Arkib (bunyi kenderaan) dan juga bagaimanakan Institusi Arkib mengambil langkah mengatasi maklumat yang tidak sahih yang dihebahkan melalui media massa.

TH : Jadi ada *dua* [2] perkara disini, jadi biar saya jawab yang pertama *dulu* [dahulu], dari segi memasyarakatkan Arkib kepada orang awan *ni* [ini] ia adalah satu usaha pada peringkat awalnya tidaklah begitu diambil berat kerana Agensi Arkib pada peringkat awal ditubuh pada tahun *satu disember sembilan belas lima puluh tujuh arkib* [1/12/1957] diwujudkan adalah dengan tujuan untuk urusan semata-mata pengurusan rekod kerajaan tidak ada tujuan lain selain daripada itu. Arkib ditubuhkan pada tahun *Sembilan belas lima puluh tujuh* [1957] tu dengan hanya *lima* [5] orang kaki tangan seorang pegawai dan *empat* [4] pengkeranian, itu saja sehinggalah apabila saya bersara pada tahun *dua kosong kosong tujuh* [2007] jumlah kakitanganya dan pegawainya sudah lebih daripada *lima ratus* [500] orang. Jadi peringkat awalan memang tidak ada pendekatan pada memasyarakatkan arkib *ni* [ini] semata-mata tumpuannya tugas menguruskan rekod kerajaan itu sahaja, tapi lama kelamaan didapati dalam keadaan mengikut arus perkembangan Institusi Arkib di luar negara yang mula membuka pintu *ni* [ini] bukan hanya kepada kerja-kerja menguruskan rekod kerajaan tapi juga untuk mengembangkan minat orang ramai untuk mengetahui bahan Arkib *ni* [ini] maka Akib

Negara Malaysia seingat saya dibawah pimpinan Ketua Pengarahnya Datuk Zakiah Hanum, beliau telah memulakan program memasyarakatkan arkib ini dengan cara menubuhkan Institusi Memorial, jadi memorial ini adalah institusi yang diwujudkan dimana di dalam Institusi Memorial ini dimasukkan semua bahan-bahan berkaitan dengan tokoh-tokoh tertentu, jadi memorial ini adalah institusi yang dibangunkan kepada tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara yang telah meninggal, orang yang hidup *tak* [tidak] boleh buat memorial jadi *dah* [sudah] meninggal orang *tu* [itu] berjasa jadi arkib telah membina memorial dan memorial yang dibina adalah Memorial Tun Abdul Razak. Jadi Memorial Tun Abdul Razak *ni* [ini] jadi Memorial Tun Abdul Razak *ni* [ini] menempatkan segala bahan-bahan bergambar, rekod, artifak dan sebagainya yang berkait dengan Allahyarham Tun Abdul razak dan keluarganya di bangunan lama rumah Tun Abdul Razak di Seri Taman di Kuala Lumpur, jadi sesiapa yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang sejarah hidup Allahyarham Tun Abdul Razak dan keluarganya boleh pergi ke memorial tun abdul razak *ni* [ini] dengan meneliti segala bahan-bahan tersebut maka dengan sendirinya kita akan dapat banyak maklumat, jadi itu cara yang pertama yang telah dilakukan untuk memasyarakatkan Arkib ini, yang kedua adalah melalui program bersama dengan institusi-institusi persekolahah di semua peringkat sampailah ke institusi pengajian tinggi dimana program-program

lawatan- khas dianjurkan dibawa pelajar-pelajar sekolah datang ke arkib dan disitu dibimbing dibawa dalam lawatan ke semua bahagian-bahagian yang terdapat di arkib ditunjukkan bahan-bahannya dan sebagainya, jadi ini dengan sendirinya membuka mata pada orang awam terutamanya pelajar tentang wujudnya Institusi Arkib, apa guna arkib *ni* [ini], yang ketiganya adalah melalui usaha-usaha membuat penerbitan, jadi penerbitan *ni* [ini] adalah penerbitan kepada penulisan bahan-bahan yang bersejarah yang terdapat di arkib Negara, jadi pegawai-pegawai arkib *ni* [ini] digalakkan untuk menulis dan membuat penerbitan, diterbitkan penerbitan ini dan ianya turut membantu dari segi memperkenalkan arkib kepada orang awam, dan yang keempatnya adalah melalui usha bersama media bertulis dan juga media eletronik dan yang paling terkenal program hari ini dalam sejarah yang tersiar melalui media akhbar dan juga dalam media elektronik sampai sekarang, kalau tak salah saya dah berlanjutan hampir *dua puluh* [20] atau *dua puluh lima* [25] tahun *dah* [sudah] program ini berlansung. Program ini secara tidak langsung turut memainkan peranan menyedarkan orang awam tentang kepentingan bahan-bahan rekod yang ada di Arkib Negara dan juga selain daripada itu usha dilakukan juga untuk mengenengahkan arkib *ni* [ini] melalui promosi-promosi dengan mengadakan pameran-pameran, pameran ini diadakan di seluruh Negara sama ada cara bersendirian ataupun melalui program-program swasta yang paling ketaranya semasa saya menjadi Ketua Pengarah dahulu saya bawakan program memperkenalkan arkib ini dalam program Sure Heboh, Jom

Heboh, saya *pun tak* [juga tidak] ingat lah. Jadi merata daripada Perlis sampai ke Johor sampai Sabah Sarawak dibawakan bahan-bahan *ni* [ini], jadi orang ramai selain daripada melawat program Jom Heboh ini turut sama melawat galeri arkib *ni* [ini], dan dengan sendirinya mereka dapat mengetahui tentang arkib *ni* [ini]. Dan sejajar dengan perkembangan teknologi arkib turut melangkah ke dalam aktiviti ini dengan cara penyediaan *website* [laman web] Arkib Negara seingat saya suatu ketika merupakan *website* [laman web] yang diiktiraf antara yang terbaik dibawah agensi kerajaan kerana dari segi (suara orang bercakap) *hint* [kunjungan] ataupun dari segi kunjungannya memang melebihi daripada *expectation* [jangkaan]. Banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik baik dalam dan luar Negara dan juga saya huraikan juga *satu* [1] lagi langkah yang diteruskan semasa saya menjadi Ketua Pengarah ialah *rebranding* [penjenamaan semula] ataupun dalam bahasa melayunya kita sebut sebagai memberi label yang baru kepada Arkib Negara iaitu dengan maksud kita *rebrandkan* [menjenamakan] arkib ni bukan semata-matanya sebagai tempat simpan bahan-bahan lama (bunyi kenderaan lalu) tapi *kite* [kita] *rebrandkan* [menjenamakan] bagikan *branding* [jenamakan] baru kepada arkib sebagai Pusat Maklumat Negara dan kita ada *tagline* [slogan] arkib pada waktu itu adalah *satu* [1] *tagline* [slogan] yang digunakan yang menceritakan Arkib bukan lagi sebagai tempat simpanan rekod-rekod lama tetapi sudah menjadi gedung ilmu untuk negara, jadi itu antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Arkib dan ini berterusan dan sampai sekarang *pun* [juga] saya

memahami pihak pengurusan yang ada melaksanakan program-program yang bertujuan untuk mengenengahkan arkib ini dan saya berkesempatan masa saya menjadi Ketua Pengarah juga *mempromotkan* [mempromosikan] membuat promosi tentang Arkib Negara *ni* [ini] melalui kerjasama dengan syarikat pengangkutan iaitu pada waktu kami gunakan kenderaan (bunyi kenderaan lalu) Bas Transnasional yang mempunyai hubungan daripada Perlis sampai ke Johor Bahru. Jadi badan bas yang berkaitan ini kami letakkan maklumat mengenai Arkib Negara dalam bentuk gambar dalam bentuk salinan dokumen yang lama-lama *ni* [ini] jadi kalau bas *tu* [itu] berjalan daripada Johor Bahru bawak ke Kangar sepanjang jalan tu orang boleh baca kalau kita bawak kereta belakang bas *tu* [itu] kita boleh baca apa yang ada, jadi itu sebagai salah *satu* [1] bentuk *promotion* [promosi] yang kita laksanakan dan *satu* [1] lagi program yang melibatkan institusi pengajian tinggi baik swasta dan juga awam melalui program kerjasama dengan program kerjasama seperti kuiz, pertandingan, debat, pidato kemerdekaan, pidato kepimpinan Negara, macam-macam lagi semuanya adalah untuk *nak* [hendak] menggalakkan orang awam terutamanya pelajar-pelajar mengetahui tentang peranan yang dimainkan oleh Arkib Negara sebagai pusat penyimpanan bahan-bahan yang boleh digunakan untuk pelbagai cara, kerana Arkib dia menyediakan bahan terpulang--- kalau kita datang untuk *nak* [hendak] merujuk bahan itu untuk penyelidikan sosial maka sosial lah jadinya kalau politik-politik terpulang pada kita untuk merencanakan. Itu antara usaha-usaha yang saya ingat, ia merupakan

usaha yang berterusan untuk dilaksanakan oleh Pengurusan Arkib mengenengahkan kepada orang awam, dan menjawab soalan berkaitan dengan bagaimana (bunyi kenderaan) nak membetulkan salah fakta dan sebagainya jadi dalam aspek ini seperti agensi lain, kami mewujudkan cawangan hubungan awam atau serantau (bunyi air dituang) yang menjadi juru cakap, jadi kalau ada pihak-pihak yang membangkitkan persoalan-persoalan yang bersalahan faktanya ataupun berkehendakkan maklumat yang lebih lanjut, maka cawangan inilah, pegawai yang berada di cawangan inilah yang akan berusaha untuk mendapatkan ataupun memberi gambaran yang betul tentang apa yang diminta oleh media, kalau sekiranya diterbitkan perkara-perkara yang bersalahan maka pihak arkib melalui cawangan perhubungan awam *ni* [ini] akan membetulkan, dia akan menulis balik kepada akhbar mengatakan perkara yang saya bangkitkan perkara yang tidak betul, faktanya adalah sedemikian jadi kita sertakan salinan bahan yang menunjukkan cerita yang sebenarnya. Jadi usaha ini (bunyi deringan telefon bimbit dan kenderaan lalu) memerlukan perincian dan kadang-kadang kita *kena* [perlu] faham media menggunakan sesuatu isu sebagai usaha untuk mempopularkan menambahkan penjualannya, aspek ini perlu ditangani dengan baik kalau sekiranya kita salah memberi tafsiran dan sebagainya akan mendatangkan akibatlah, biasanya selepas Arkib memberi penerangan yang betul maka tidak timbul lagi lah perkara yang negatif perkara-perkara yang nak disampaikan (bunyi angin).

NAJ : Terima kasih Tuan Haji, memandangkan kita kesuntukan masa saya terpaksa mengakhiri sesi wawancara bersama Tuan Haji pada hari ini sememangnya saya banyak lagi soalan yang saya ingin menanyakan kepada Tuan Haji sebenarnya dan kekangan dan masa amat mencemburui kita dengan ini saya mengakhiri wawancara kita bertarikh *empat november dua ribu tiga belas* [2013] di ruang tamu teratak Tuan Haji Muhamad Zawawi Bin Abdullah dengan itu saya dan Hanis Faradiana dan juga dari pihak UiTM Machang Kelantan ingin mengucapkan terima kasih banayak bayak kepada Tuan Haji dan kami amat berbesar hati atas perkongsian maklumat serta pengalaman Tuan Haji yang amat bernilai dan kami sendiri juga menerima sendiri ilmu dan pengalaman daripada Tuan Haji terutama sekali dalam sesi pendokumentasian lisan (bunyi angin dan kenderaan lalu). Ada kata-kata terakhir daripada Tuan Haji?

TH : Jadi saya secara peribadinya ingin mnegucapkan terima kasih kepada pihak Akma dan juga Hanis kerana kesudian memilih saya sebagai subjek untuk program *DL* [dokumentasi lisan] ini dan saya megucapkan selamat maju jaya kepada kedua-duanya dan saya memberi pandangan berdasarkan pandang peribadi dan tidak bertujuan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak (bunyi kenderaan lalu) dan semuanya datang daripada pengalaman dan pandangan saya sendiri dan sebagai seorang muslim saya berpegang kepada yang baiknya datang daripda Allah Subhanallah Taala dan yang buruknya

daripada diri saya, dan maklumlah dalam meniti usia yang masuk ke *enam puluh* [60] *ni* [ini] kadang-kadang minda tahap pengingatan *tu* [itu] adalah sesuatu yang memerlukan desakan gesaan kadang-kadang kita baru ingat, jadi apa yang saya utarakan merupakan pengalaman hidup saya dan apa yang telah sendiri saya lalui tanpa berniat untuk menyentuh mana-mana pihak dan sebagainya kerana maklumlah dalam kita melayari hidup *ni* [ini] ada keadaan yang baik, ada keadaan yang buruk sebagainya dan saya mengharapkan sumbangan saya yang sedikit ini dapat membantu ke arah memajukan lagi program projek pendokumentasian lisan UiTM Machang *satu* [1] bidang yang memang yang asasnya ada pada diri saya dan bukanlah tujuan saya *nak* [hendak] menyatakan benda betul ataupun salah, tapi pada saya menjadi tanggungjawab kepada saya dalam pengetahuan yang ada pada saya sedikit sebanyak untuk membetulkan mana yang salah semoga ianya menjadi panduan kepada pihak-pihak yang akan datang untuk meneruskan projek ini (bunyi kenderaan lalu). Saya ingin berterima kasih sekali lagi kepada pihak Akma dan temannya Hanis dalam keadaan yang serba kekurangan ini saya berupaya menerangkan sedikit sebanyak keperluan ataupun pengalaman hidup saya berdasarkan keperluan *questioner* [soalan] yang disediakan dan ditambah dengan beberapa perkara lain yang saya anggap penting diketahui oleh pendengar ataupun pembaca transkrip dan pada saya itu usha saya tidaklah seberapa dan harapan saya ia akan mendatangkan kebaikan kepada pihak UiTM Machang umumnya dan kepada terutamanya kepada pelajar-pelajar UiTM. mengharapkan

usaha ini akan berterusan dan pada saya, saya *tak* [tidak] lokek untuk berkongsi pengalaman dan juga ilmu yang ada pada saya terutama dalam bidang dokumentasi lisan ini, kerana ia merupakan seperti mana yang saya jelaskan sesuatu yang saya pelopori pada semasa awal-awal di Jabatan Arkib dahulu, dan *bila* [apabila] diketengahkan balik ia sebagai satu *refreshment* [mengingat] kepada saya ingat balik dulu saya *interview* [temuramah] orang sekarang orang *interview* [temuramah] saya, jadi sesuatu yang berbalik kepada sejarah orang kata sejarah *repeat itself* [sejarah berulang kembali], sejarah berulang kembali. Jadi dengan kata-kata sedemikian saya sudahi dengan ucapan terima kasih dan mohon maaf atas serba kekurangan yang ada dan saya mendoakan kejayaan kepada kedua-dua anak ini dan semoga apa yang dikehendaki tercapai seperti mana yang di hasratkan oleh Institusi UiTM Machang. Terima kasih Assalamualaikumwaramatullahiwabarakatu.

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh tuan haji?
2. Apakah nama timangan Tuan Haji?
3. Bilakah tuan haji dilahirkan?
4. Berapakah umur Tuan Haji sekarang?
5. Dimanakah tuan haji dilahirkan?
6. Berapa lamakah tempoh tuan haji menetap di negeri kelahiran?
7. Selain di negeri Perak, adakah Tuan Haji memiliki rumah lain?
8. Apakah faktor Tuan Haji memilih menetap di Ipoh berbanding rumah di negeri lain?
9. Pada tahun berapakah tuan haji mula menetap di Ipoh?
10. Sudah berapa lama tuan haji menetap di Ipoh?
11. Siapakah nama penuh ayah tuan haji?
12. Apakah profesion ayah Tuan Haji?
13. Siapakah nama penuh ibu tuan haji?
14. Apakah profesion ibu Tuan Haji?
15. Adakah mereka masih hidup lagi?
16. Dimanakah ayah dan ibu Tuan Haji menetap?
17. Berapa ramaikah adik beradik tuan haji?
18. Berapa orang lelaki dan berapa orang perempuan?
19. Bagaimana latar belakang pendidikan adik beradik Tuan Haji?
20. Dimanakah tuan haji mendapat pendidikan awal?
21. Pada tahun berapakah tuan haji mendapat pendidikan awal?
22. Bagaimana pula pendidikan tuan haji diperingkat sekolah menengah?
23. Pada tahun berapakah tuan haji bersekolah menengah?
24. Bagaimana pula dengan tahap pendidikan tuan haji seterusnya?
25. Dimanakah tuan haji menyambung pendidikan tahap tinggi?
26. Pada tahun berapakah tuan haji menyambung pendidikan tinggi?
27. Kursus apakah yang diambil tuan haji?
28. Adakah tuan haji mengambil tahap lanjutan dalam pendidikan tinggi?
29. Dimanakah tuan haji mengambil tahap lanjutan dalam pendidikan tinggi?
30. Pada tahun berapakah tuan haji mengambil tahap lanjutan dalam pendidikan tinggi?

31. Apakah kursus lanjutan yang diambil oleh tuan haji?
32. Pada tahun berapakah tuan haji mula berumah tangga?
33. Siapakan nama isteri tuan haji?
34. Isteri Tuan Haji berasal dari mana?
35. Apakah latar belakang pendidikan isteri Tuan Haji?
36. Adakah beliau berkerja?
37. Apakah perkerjaan beliau?
38. Kalau tidak keberatan boleh saya tahu berapa ramai anak tuan haji?
39. Berapa lelaki dan berapa perempuan?
40. Bagaimanakah latar belakang pendidikan anak-anak tuan haji?
41. Apakah pekerjaan mereka sekarang?
42. Adakah tuan haji mempunyai cucu?
43. Berapakah bilangan cucu tuan haji?
44. Berapa bilangan cucu lelaki dan perempuan tuan haji?
45. Berapakah lingkungan umur cucu-cucu tuan haji?

BAHAGIAN B: KERJAYA

46. Apakah pekerjaan tuan haji sebelum tuan haji berkhidmat di Arkib Negara Malaysia?
47. Di manakah tempat pekerjaan tuan haji?
48. Apakah faktor yang menyebabkan tuan haji bekerja di situ?
49. Sekiranya tuan haji tidak keberatan, boleh tuan haji kongsi berapakah gaji yang diterima oleh tuan haji?
50. Apakah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada tuan haji?
51. Apakah pengalaman pahit dan manis yang diperoleh sepanjang bekerja di situ?
52. Apakah sumbangan tuan haji sepanjang tempoh tuan haji berkhidmat di tempat kerja tuan haji?
53. Berapa lamakah tempoh perkhidmatan Tuan Haji?
54. Apakah faktor tuan haji berhenti berkhidmat di sana?
55. Apakah pekerjaan tuan haji yang seterusnya?
56. Bagaimana Tuan Haji mula melibatkan diri di institusi arkib?
57. Pada tahun berapakah Tuan Haji mula berkhidmat di Institusi Arkib?
58. Apakah posisi awal yang dilantik kepada Tuan Haji?
59. Berapakah gaji permulaan Tuan Haji pada awal pembabitan dalam Institusi Arkib?
60. Apakah senarai tugas yang ditugaskan kepada Tuan Haji?
61. Berapa lamakah Tuan Haji menyandang jawatan tersebut?
62. Berapakah cawangan Arkib yang pernah Tuan Haji berkhidmat sebelum Tuan Haji berkhidmat di Arkib Negara Malaysia?
63. Cawangan manakah Tuan Haji berkhidmat dalam tempoh yang paling lama?
64. Berapakah jumlah jawatan yang pernah disandang oleh Tuan Haji sepanjang Tuan Haji berkhidmat di institusi Arkib?
65. Apakah kronologi awal jawatan Tuan Haji hingga menjadi Pengarah Arkib Negara Malaysia?
66. Jawatan apakah yang disandang oleh Tuan Haji dalam tempoh yang lama?
67. Apakah cabaran khusus yang dihadapi oleh Tuan Haji ketika Tuan Haji menyandang jawatan tersebut?
68. Pada tahun berapakah Tuan Haji mula berkhidmat di Institusi Arkib Negara Malaysia?

69. Bagaimana pula dengan lapis kenaikan pangkat Tuan Haji dari awal berkhidmat di Institusi Arkib?
70. Dari segi apakah yang dinilai dalam kenaikan pangkat dalam institusi Arkib?
71. Pada tahun berapakah Tuan Haji menyandang posisi Timbalan Pengarah Arkib Negara Malaysia?
72. Berapa lamakah Tuan Haji menyandang jawatan tersebut?
73. Apakah pengalaman Tuan Haji dalam melaksanakan tugas sebagai Timbalan Pengarah Arkib Negara Malaysia?
74. Apakah cabaran yang harus dihadapi oleh Tuan Haji sebelum Tuan Haji sampai ke peringkat tertinggi dalam institusi Arkib Negara Malaysia?
75. Pada tahun berapakah Tuan Haji dilantik sebagai Pengarah Arkib Negara?
76. Berapa lamakah tempoh perkhidmatan Tuan Haji sebagai Pengarah Arkib Negara?
77. Apakah pengalaman Tuan Haji sepanjang tempoh menjadi Pengarah Arkib Negara?
78. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Tuan Haji ketika menjadi Pengarah Arkib Negara?
79. Apakah faktor yang menyebabkan Tuan Haji bersara lebih awal dari Institusi Arkib walaupun baru setahun menyandang jawatan Pengarah Arkib Negara?
80. Apakah kenangan manis dan pahit sepanjang tempoh Tuan Haji berkhidmat di institusi Arkib?

BAHAGIAN C: SUMBANGAN, PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

81. Apakah sumbangan Tuan Haji kepada arkib?
82. Adakah Tuan Haji pernah melibatkan diri dalam projek mega yang dilakukan oleh Institusi Arkib seperti pembinaan bangunan cawangan baru arkib?
83. Apakah sumbangan tuan haji kepada Negara?
84. Bagaimana pula sumbangan tuan haji di luar Negara?
85. Apakah pencapaian yang terbaik pernah dilakukan oleh Tuan Haji kepada Institusi Arkib?
86. Apakah tuan haji menerima sebarang anugerah?
87. Berapakah anugerah yang diterima oleh tuan haji?
88. Bolehkah tuan haji nyatakan pada tahun berapa, dan juga daripada siapa tuan haji terima anugerah-anugerah tersebut?
89. Apakah faktor anugerah tersebut dianugerahkan kepada tuan haji?
90. Adakah tuan haji masih melibatkan diri di institusi arkib setelah bersara?
91. Sekiranya ya, apakah aktiviti yang tuan haji terlibat?
92. Sejauh manakah tahap penglibatan tuan haji?

BAHAGIAN D: SEJARAH DAN PERKEMBANGAN ARKIB

93. Bagaimanakah sejarah institusi Arkib Negara Malaysia berkembang dari awal hingga sekarang?
94. Pada tahun berapakah Arkib Negara Malaysia mula menyesuaikan dengan teknologi yang mula meluas digunakan pada akhir 90-an?
95. Bagaimanakah Arkib Negara Malaysia memperoleh bahan-bahan rekod dan manuskrip?
96. Apakah sumber yang kerap diperolehi?
97. Apakah cabaran yang dihadapi dalam menyimpan, memelihara dan memulihara bahan-bahan yang amat bernilai di Arkib?
98. Bagaimana pula dengan setiap perkembangan dan cabaran dari segi sistem simpanan rekod dan fail di Arkib?
99. Sistem apakah yang digunakan oleh Arkib dalam menyusun dan mengurus rekod?
100. Bagaimana pula dengan rekod yang diklasifikasi sulit, rahsia dan rahsia besar disimpan dan dipelihara?
101. Bagaimana proses bahan tersebut disimpan?
102. Berapakah jumlah terakhir bahan rekod yang disimpan di Arkib ketika Tuan Haji menyandang jawatan sebagai Pengarah Arkib Negara Malaysia?
103. Bagaimanakah tahap keselamatan yang diaplikasi oleh Arkib pada pandangan Tuan Haji?
104. Bagaimana pula dengan ciri-ciri keselamatan pada setiap jabatan di Arkib?
105. Pernahkah berlakunya kes-kes yang tidak diingini membabitkan rekod dan fail yang bernilai dalam simpanan Arkib?
106. Sekiranya berlaku, apakah tindakan yang diambil oleh Tuan Haji?
107. Adakah institusi Arkib Negara Malaysia mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak swasta?
108. Adakah institusi Arkib Negara Malaysia mengadakan jalinan kerjasama dengan Arkib luar Negara?
109. Adakah berlakunya perkongsian teknologi dengan pihak luar dan juga luar Negara?
110. Apakah program pernah dilakukan oleh institusi Arkib Negara Malaysia?
111. Dalam tempoh setahun, berapa kali program anjuran arkib dijalankan?

112. Bagaimana sambutan pameran dan kempen-kempen yang dianjurkan oleh Arkib dalam kalangan komuniti masyarakat?
113. Apakah penambahbaikan yang dilakukan oleh Arkib sepanjang tempoh Tuan Haji berkhidmat?
114. Apakah pencapaian terbaik yang pernah dilakukan oleh Institusi Arkib?
115. Apakah sumbangan Arkib kepada Negara dan masyarakat?

BAHAGIAN E: PENDAPAT

116. Pada pendapat Tuan Haji, apakah nilai-nilai tambahan yang perlu ada dalam setiap pelajar seperti kami yang mengambil bidang dalam pengurusan rekod untuk institusi Arkib?
117. Apakah benar bahawa dokumen-dokumen penting kepunyaan Malaysia masih ada lagi di Negara lain?
118. Pada pandangan Tuan Haji, bagaimanakah kita harus perjuangkan untuk mendapatkan kembali dokumen-dokumen asli negara kita yang kebanyakannya masih berada di negara lain?
119. Apakah pandangan Tuan Haji mengenai kes perebutan Pulau Batu Putih dengan pihak Singapura?
120. Apakah nilai-nilai kesedaran yang harus ada dalam setiap masyarakat terhadap bahan-bahan bernilai negara dan kepentingan Arkib menyimpan, memelihara dan memulihara bahan-bahan bernilai dan khazanah negara?
121. Apakah pandangan tuan haji mengenai tuntutan hak Lahad Datu?
122. Sejauh manakah peranan Arkib Negara dalam kes Lahad Datu?
123. Adakah sebarang dokumen atau bukti mengenai Lahad Datu?
124. Pada pandangan tuan haji, sejauh manakah peranan institusi Arkib Negara dalam menangani pengaruh media massa yang jauh lebih meluas dalam menyebarkan maklumat terutamanya maklumat yang tidak sah?
125. Apakah pandangan Tuan Haji terhadap institusi Arkib yang dahulu dengan sekarang terutamanya dari segi perkhidmatan?
126. Pada pandangan Tuan Haji, apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh Arkib?

LOG WAWANCARA

Log temuramah

Nor Akma Binti Johan dan Hanis Faradiana Binti Halias telah menemubual bekas Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah. Beliau telah dilahirkan pada 23/10/1953 di Grik Perak. Tuan Haji Mohamed Zawawi ialah bekas Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia pada tahun 2007. Beliau telah berkhidmat di agensi Arkib selama 30 tahun bermula dari tahun 1977 hingga 2007. Sesi temubual dijalankan di rumah Tuan Haji Mohamed Zawawi Bin Abdullah yang beralamat di nombor tiga Jalan Chepor Indah tiga puluh enam Chepor Indah, Chemor Perak. Sesi temubual dijalankan sebanyak dua sesi iaitu pada dua November 2013 sebanyak dua kali dan 4 november 2013 sebanyak dua kali.

Masa	Perkara yang dibincangkan	Nama/ tempat dirujuk
	Rakaman pertama	
0.00	Biodata dan latar belakang pendidikan Tuan Haji Zawawi	Grik Perak, National Type Primary School English, Lower Certificate of Education [LCE], Malaysian Certificate of Education [MCE], Sekolah Anderson Ipoh, Higher Certificate of Education [HCE], Universiti Malaya
6.00	Latar belakang pendidikan sewaktu di tingkatan Enam dan Univeristi	Tingkatan Enam. Sekolah Anderson, St Micheal, King Edward, Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Pertanian, Universiti Teknologi.
10.00	Semasa ijazah dan menjadi Guru Sementara	Sekolah Al Khairiah Al Sharif di Gunung Semanggol
14.00	Permohonan Jawatan Pegawai arkib, menduduki temuduga dan diterima bertugas sebagai	Kuala Lumpur

	pegawai arkib.	
15.30	Tempoh masa menetap di Kuala Lumpur dan Ipoh Perak, menjadi kakitangan kerajaan	Pengarah Cawangan Arkib Alor Setar, Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan,
18.00	Latar belakang keluarga.	Abdullah Bin Sawaf, Binti Haji Ibrahim, Kerani Besar, Pejabat Daerah Grik Perak, Kati, Sayong, Kuala Kangsar.
22.20	Latar belakang pendidikan adik beradik.	Pecah perang kedua, Peperiksaan Senior Cambridge. Hospital.
26.20	Sewaktu di universiti	Pensyarah, Perpustakaan
28.00	Tarikh kehilangan ibu bapa	Internal bleeding [pedarahan dalaman]
29.00	Tarikh berumah tangga	Faridah Binti Haji Arshad, Charter Bank Ipoh
32.00	Latar belakang pendidikan anak-anak dan cucu	Pengurus atur program komputer
35.20	Pengalaman dan perjalanan kerjaya Tuan Haji	Guru sandaran, Sekolah Sultan Idris Syah. Sejarah Asia, Jepun, China, Myanmar, Malaysia. Jabatan Muzium, Jabatan Arkib, Jabatan Perpustakaan.
43.45	Tempoh masa menjawat jawatan pegawai arkib dan kenaikan pangkat.	Jalan Sultan Petaling Jaya. Jabatan Pendaftaran, Bank Simpanan Nasional,

		<p>Kadet arkib, Perintis Arkib, England, Australia, Amerika Syarikat Germany, India. Institusi Arkib New Delhi, India. Negara Komanwell, Nepal, Kenya, Sri Langka. Peperiksaan Pengesahan Jawatan. Arkib Negara Cawangan Alor Setar.</p>
	Rakaman kedua	
0.00	<p>Pengalaman kerjaya sehingga menjawatan jawatan Pengarah Arkib Sehingga menjadi Ketua Pengarah Arkib Negara</p>	<p>Ibu Pejabat Arkib, Pendokumentasian Lisan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Ibu Pejabat Arkib Jalan Duta, Program Pemeliharaan Rekod-rekod Penting Kerajaan, Mikro filem, mikro fiche. Amerika Syarikat, Kanada, Ketua Cawangan Rekod Penting. Pengarah Pengisytiharan Kemerdekaan Negara, Melaka. President, Perdana Menteri, Kerabat Diraja,</p>

		<p>Kabinet-kabinet Luar Negara, Allahyarham President Yasser Arafat President Negara Palestine. Malaysian Technical Cooperation Program. Jabatan Perpustakaan Negara, Jabatan Pertanian, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan awam. Timor Leste. Pengarah Pengurusan Perancangan dan Pembangunan Jabatan Arkib Negara. Sabah. Pahang. Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara. Ketua Pengarah Arkib Negara.</p>
30.41	<p>Cabaran yang terbesar yang pernah dihadapi semasa menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara dan Ketua Pengarah Arkib Negara,</p>	<p>Ketua-ketua Politik, Menteri, Timbalan Menteri.</p>
36.55	<p>Kriteria yang perlu ada diri seorang Penjawat Awam dalam proses kenaikan pangkat.</p>	<p>Rekod-rekod lama, Pulau Batu Putih.</p>
	<p>Rakaman ketiga</p>	
0.00	<p>Kriteria tambahan yang perlu ada pada seseorang penjawat dalam meningkatkan prestasi di Jabatan Arkib</p>	<p>Bahasa Mandrin, Bahasa Perancis, Bahasa Belanda, Bahasa Portugis,</p>

		Bahasa Portugis Lama. Dato Maharaja Lela, Penghulu Dol Said
10.05	Penglibatan dalam program Pendokumentasian Lisan	Universiti Sains Malaysia, Pesatuan Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Tandberg.
26.40	Pengalaman menemuramah tokoh-tokoh.	Allahyarham Tun Sa'adun Jubir, Allahyarhamam Siti Aishah Ghani Allahyarham Dr Megat Khas Tan Sri Yuen Lek Lim
37.30	Jalinan kerjasama Arkib Negara di dalam Negara dan Luar negara	Persatuan Sejarah Malaysia [Universiti Kebangsaan Malaysia UKM UM [Universiti Malaya] UiTM [Universiti Teknologi Mara] Muzium Negara Perpustakaan Persatuan Kekeluargaan Cina Editor SARBICA [South East Asia Regional Branch International on Archive] [ICA] International council on Archive Paris UNESCO [United Nations Educational Scientific and Cultural Organization] Program Blue Shield Amerika Iraq Vice President ICA Convention ICA Eropah
36.17	Pencapaian dan sumbangan	Jabatan Arkib

	sepanjang Kerjaya Tuan Haji	
42.57	Pihak Institusi Arkib mengaplikasikan penggunaan teknologi	Manuskrip Zaman Kesultanan Melayu Melaka Jabatan Arkib Negara Laman Web Arkib Negara
	Rakaman keempat	
0.00	Anugerah yang dianugerahkan kepada Tuan Haji	Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Pingat Jasa Kebaktian Bintang Khidmat Terpuji Bintang Kesatria Mangku Negara Anugerah Khidmat Cemerlang
4.30	Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Negara di luar negara	London, United Kingdom Belanda, China, Jepun, Amerika Syarikat Perancis Kerajaan Inggeris [British] Arkib Indonesia
12.18	Tugasan khas yang dilakukan oleh Institusi Arkib	Indonesia, Singapura, Philipina Pulau Batu Putih Palau Sipadan Pulau Ligitan Rumah Api Kesultanan Negeri Johor Makhamah Dunia The Head Belanda Sabah
21.25	Peranan Institusi Arkib di mata masyarakat dan menganangi	Datuk Zakiah Hanum Memorial Tun Abdul Razak

	maklumat tidak sahih yang dihebahkan oleh media massa	Sri Taman Kuala Lumpur Program Hari Ini Dalam Sejarah Program Jom Heboh Perlis Johor Bahru
36.15	Pesanan daripada Tuan Haji Zawawi.	Institusi Arkib Negara Program Pendokumentasian Lisan Institusi UiTM Machang

INDEKS

A

arkib, 9, 27, 31, 33, 34, 35, 36, 42, 43, 44, 45, 46,
47, 48, 49, 50, 51, 57, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67,
68, 69, 70, 72, 74, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84,
90, 92, 93, 96, 97, 104

G

Grik, 2, 3, 4, 8, 11, 18, 96, 97
Guru sandaran, 97

H

Higher Certificate of Education, 96

I

ICA, 57, 100
Institusi Arkib New Delhi, India, 97

J

Jabatan Arkib Negara, 27, 31, 34, 35, 36, 38, 75, 98,
101

K

Kati, 11, 97
Ketua Pengarah Arkib Negara, 1, 25, 39, 45, 96, 98,
99
Kuala Lumpur, 8, 9, 10, 24, 29, 30, 57, 80, 96, 97,
101

L

Laman Web Arkib Negara, 101
Lower Certificate of Education, 3, 4, 96

M

Machang, 1, 2, 85, 102
Malaysian Certificate of Education, 96
Malaysian Technical Cooperation Program, 31, 98
Manuskrip, 101
Memorial Tun Abdul Razak, 80, 101

P

Pengarah Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan,
70, 97, 101
Perak, 1, 2, 4, 8, 9, 10, 11, 25, 45, 48, 69, 88, 96, 97
Perintis Arkib, 22, 97
Program Blue Shield, 100
Program Pendokumentasian Lisan, 102

S

SARBICA, 57, 100
Sayong, 11, 97
Sekolah Al Khairiah Al Sharif, 8, 96
Sekolah Anderson, 4, 5, 96
Sekolah Sultan Idris Syah, 97

U

UNESCO, 57, 100
Universiti Malaya, 6, 7, 8, 57, 96, 100

RUJUKAN

Kiraan Pengguna. (n.d.). *Laman Utama*. Retrieved October 23, 2013, from <http://www.arkib.gov.my/home>

LAMPIRAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Hj. Nurkameh Zahwa b. Pehua

Pada 2/11/2017

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengkisah (interviewee)

.....
Dr. Hj. Ghazali Bin Osman
Ketua Pusat Pengajian
Pengurusan Maklumat, Sains
Pentadbiran & Pengajian Polisi
Dan Pengajian Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan.

**SIJIL PERLANTIKAN TUAN HAJI MOHAMED ZAWAWI BIN
ABDULLAH SEWAKTU DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH
ARKIB NEGARA MALAYSIA**



Awal kehidupan Tuan Haji Mohamed Zawawi



Arwah kedua ibu bapa Tuan Haji Mohamed Zawawi.



Tuan Haji ketika bayi



Ketika hari graduasi

Keluarga Tuan Haji



Kerjaya sepanjang berkhidmat di jabatan Arkib



Penglibatan Tuan Haji di luar Negara serta anugerah diterima



Kenangan manis Tuan Haji di Jabatan Arkib



Sepintas setelah selesai sesi wawancara

